

SATU KAJIAN DEMOGRAFI SOSIAL
KE ATAS PENDUDUK-PENDUDUK DI LABUHAN DAGANG,
BANTING, SELANGOR

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH
NO. MATRIK 24551

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

1977 / 78

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

PENGHARGAAN

Saya merasakan sebesar-besarnya hati terhadap beberapa makhluk Tuhan yang telah menolong penulis dalam berbagai cara dan masa sehingga membolehkan latihan ilmiah ini dijalankan dan disiapkan dengan tidak seberapanya ini.

Pertama sekali saya ingin mengurniakan penghargaan yang tidak terhingga kepada Puan Rokiah Talib (pengawas) kerana tunjuk-ajarnya, kritik-kritik, komen-komen, pembatulan-pembetulan, peransangnya, galakan, cadangan-cadangan dan juga kesabarannya di sepanjang proses menyediakan latihan ilmiah ini. Ingin juga saya lafazkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Puan Mazidah Zakaria, dan Dr. A. Terry Rambo kerana bimbingan yang mereka sumbangkan di sepanjang kajian dijalankan. Tidak juga saya kecilkan sumbangan, bimbingan, dan pertolongan yang telah disampaikan oleh Sdr. Albert Gerard Gomes.

Ucapan terimakasih juga saya lemparkan kepada rakan-rakan pengkaji lain (co-researchers):- Sdr. Mohd. Nawi Latif, Sdr. Nasarudin Idris, Sdr. Abdul Majid dan Zainudin Abdul Rahman, Sdri. Zuraida Ahmad, Sdri. Halimah Abdullah, Sdri. Koh Bee Hong dan Sdri. Josephine. Kesemua mereka ini telah membantu penulis di masa-masa tertentu dengan berbagai-bagai cara yang tidak dapat diuraikan di sini.

Kajian ini juga dapat dilaksanakan dengan adanya pertolongan serta dorongan yang tidak terbatas oleh Sdr. Ahmad Faiz, Sdr. Aziz

Mohd., Azizi Jantan, Sdr. Mohd. Ali, Sdr. Jaafar Bachik dan juga oleh Sdr. Rahmat Abu Yazid; dan Sdri. Josephine Yaman. Saya juga berasa terhutang budi dengan adanya sumber inspirasi yang tidak ternilai dari Sdr. Rasila Hamzah.

Penghargaan selanjutnya ditujukan kepada setiap kakitangan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, terutamanya pada Kak Shamsiah dan Kak Katijah kerana pertolongan yang mereka berikan. Seterusnya, saya berterimakasih pada pihak Sekretariat G.P.M.S. kerana telah banyak menolong saya membuat persediaan latihan ilmiah.

Tidak lupa juga saya istiharkan ribuan terimakasih keatas kesemua penduduk-penduduk di Kampung Labuhan Dagang, khasnya terhadap keluarga Haji Samakon dan juga kepada Wak Lurah kampung kerana sudi meminjangkan peta kampung tersebut.

Dan akhir sekali penghargaan ini saya tujuhan kepada sesiapa jua yang tidak atau lupa untuk saya sebutkan di sini, tetapi yang telah menolong penulis menghasilkan latihan ilmiah ini.

SINOPSIS

Latihan akademik ini ialah mengenai satu kajian demografi sosial di Kampung Labuhan Dagang, Banting, Selangor. Secara ringkasnya penulis telah membuat penguraian tentang pengenalaman keatas masyarakat yang dikaji, khususnya tentang sejarah dan latarbelakang sosio-budaya, ekonomi dan politik masyarakat tersebut. Juga diterangkan dalam latihan ini ialah tentang latarbelakang ilmu alam sepetimana yang terdapat di kawasan yang dikaji.

Sebahagian besar daripada latihan ini adalah ditumpukan keatas analisa data-data demografi yang dikumpulkan semasa penulis membuat kajian di kawasan yang telah ditetapkan. Penganalisaan adalah ditumpukan pada aspek-aspek ciri penduduk dan dinamika penduduk; seperti struktur umur dan seks, nisbah seks, fertiliti, mortaliti, pola-pola penghijrahan dan juga tentang pertumbuhan penduduk. Akhir sekali penulis telah membuat satu rumusan terhadap perkara-perkara penting yang diperolehi daripada penganalisaan kajian, di samping memberikan cadangan-cadangan untuk kajian selanjutnya dalam bidang ini.

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Penghargaan	iii
Sinopsis	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual.....	viii
Senarai Peta	ix

BAB

I. PENGENALAN

I.1 Pengenalan	1
I.2 Masaalah Kajian.....	3
I.3 Kaedah Kajian	3
I.4 Bidang Kajian	11

II. SEJARAH DAN LATARBELAKANG SOSIO-BUDAYA, EKONOMI DAN POLITIK

2.1 Latarbelakang Sejarah dan Penyebaran Komuniti Jawa Secara Am	12
2.2 Bahasa	20
2.3 Kegiatan Ekonomi	21
2.4 Organisasi Sosio-Politik	26

III. LATARBELAKANG ILMU ALAY LABUHAN DAGANG

IV. CIRI-CIRI DAN DINAMIKA PENDUDUK DI LABUHAN DAGANG

4.1 Ciri-Ciri dan Taburan Penduduk	37
4.2 Struktur Umur dan Seks	39
4.3 Fertiliti	49

4.4 Faktur-Faktur Yang Memberi Kesan Ke Atas	
Fertiliti di Labuhan Dagang	52
4.41 Faktur-Faktur Biologikal	54
4.42 Faktur-Faktur Sosial Secara Tidak Langsung	57
4.43 Faktur-Faktur Sosial Secara Langsung	63
4.44 Rumusan Ke Atas Faktur Fertiliti	65
4.5 Mortaliti	66
4.6 Kadar Kematian	68
4.7 Penghijrahan	70
V. PENUTUP	76
Bibliografi	85
Lampiran Gambar	89
Lampiran Soal-Selidik I : Banci Penduduk	93
Lampiran Soal-Selidik II : Soal-Selidik Demografi	94

SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>	<u>Halaman</u>
2.1 Penduduk-Penduduk Indonesia di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat dalam Tahun-Tahun 1891 dan 1901	13
2.2 Penduduk-Penduduk Indonesia di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat, Mengikut Komuniti dan Seks	14
2.3 Penyebaran Orang-Orang Jawa Mengikut Negeri-Negeri dalam Tahun 1920	15
2.4 Bilangan Tenaga Kerja Mengikut Jenis Pekerjaan	24
4.1 Asal-Usul Kelahiran dan Keturunan Etnik Penduduk di Labuhan Dagang	38
4.2 Piramid Penduduk di Labuhan Dagang	42
4.3 Penduduk-Penduduk Labuhan Dagang: Nisbah Seks dan Umur	48
4.4 Bilangan Kanak-Kanak yang di Lahirkan Oleh ' <u>Living Ever Married Women</u> '	51
4.5 Peringkat-Peringkat Umur Perkahwinan	59
4.6 Kadar Kematian Anak-Anak dalam Setiap Kategori Umur Ibu yang Berlainan	69
4.7 Tempat Lahir	71
4.8 Penghijrahan Keluar Penduduk-Penduduk Labuhan Dagang	74

SENARAI PETA

<u>Peta</u>		<u>Halaman</u>
I	Kedudukan Kampung Sungai Lui, Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Labuhan Dagang	2
2	Persekutaran Labuhan Dagang	36
3	Kedudukan Labuhan Dagang	72

LATITUDE DAN LONGITUDE

BAGI KAWANCYUAN DAN BAGI

DENGAN KAWANCYUAN DAN BAGI

KAWANCYUAN DAN BAGI

DALAM ANTHROPOLOGI DAN GEOLOGI

OLAH

DR. MUSKIM SARJI

DEPARTMEN ANTHROPOLOGI DAN GEOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

MALA LINGGI

1977 / 78

BAB I

PENGENALAN


Kajian ini adalah satu kajian kumpulan mengenai fenomena pencemaran alam sekitar di sepanjang Lembah Sungai Langat, Selangor, yang telah diselenggarakan bersama oleh tiga orang pensyarah dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Mereka itu adalah terdiri dari Dr. Terry Rambo, Puan Rokiah Talib dan Puan Mazidah Zakaria; dan dibantu oleh lapan orang penuntut dari Jabatan tersebut; saudara Albert Gomes dan juga seorang penuntut dari Fakulti Sains.

Projek tersebut telah dipecahkan kepada empat tajuk yang khusus, iaitu kajian-kajian:

- (i) demografi sosial,
- (ii) 'nutrient flow',
- (iii) 'eco-system',
- (iv) dan adaptasi psikologi penduduk-penduduk.

Di samping itu juga kawasan yang dikaji telah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu kawasan-kawasan Ulu, Tengah dan Kuala Sungai Langat. Bagi kawasan Ulu, penempatan orang-orang Asli di Sungai Lui telah dipilih; Kampung Lubuk Kelubi sebagai mewakili kawasan Tengah; dan Kampung Lebuhan Dagang sebagai mewakili kawasan Kuala (sila lihat Peta 1).

Tujuan khusus untuk menjalankan kajian ke atas Lembah Sungai



PETUNJUK :



Jalanraya

Sungai

Rantau

MPUNG

AGANG



Langat ini ialah untuk cuba mendapatkan segala bentuk maklumat mengenai fenomena pencemaran alam sekitar ke atas kawasan yang dikaji, khususnya tentang punca-punca dan kesan-kesannya terhadap alam sekitar dan penduduk-penduduk yang terlibat. Di samping itu juga hasil dari kajian tersebut diharapkan akan dapat mengujudkan kesedaran di kalangan penduduk-penduduk yang berkenaan, dan terutamanya di kalangan pihak yang berkuasa tentang betapa seriusnya kesan-kesan buruk yang telah dan akan timbul akibat dari fenomena tersebut. Juga diharapkan bahawa kajian ini dapat memberi cadangan-cadangan yang positif tentang bagaimakah langkah-langkah yang harus diambil dengan segera bagi menghadapi dan kalau boleh mengatasi masaalah pencemaran yang ujud, bukan sahaja di sekitar Lembah Sungai Langat bahkan juga di seluruh negara.

Bagi tujuan ini penulis telah ditugaskan untuk membuat kajian tentang tajuk demografi sosial di kawasan Kuala, Lembah Sungai Langat. Oleh yang demikian Kampung Labuhan Dagang, Banting telah dipilih sebagai kawasan yang paling sesuai. Kajian tersebut telah dijalankan semasa cuti panjang penggal ketiga, iaitu dari 6hb. April hingga 10hb. Mei 1977.

Sungguhpun telah banyak kajian-kajian demografi sosial dijalankan di negara ini, tetapi kebanyakannya adalah lebih merupakan kajian-kajian yang berbentuk menyeluruh dan tidak ditumpukan pada kajian penduduk yang lebih khusus. Oleh itu kajian ini adalah ditumpukan pada satu kelompok penduduk yang khusus. Kajian demografi sosial ini adalah perlu kerana iaanya merupakan sebagai pengenalan ke atas tajuk-tajuk

kajian yang berikutnya.

Penulis juga akan cuba membuat sebarang perbandingan yang dirasakan sesuai dan perlu dengan kajian-kajian yang serupa (demografi sosial), tetapi yang dijalankan ke atas kawasan-kawasan yang lain oleh saudara Mohd. Nawi dan Albert Gomes¹. Penulis juga akan cuba mengutip segala maklumat-maklumat yang berguna daripada pengkaji-pengkaji lain yang berkenaan untuk dimuatkan ke dalam huraian penulis kelak.

Kebanyakan daripada tulisan-tulisan demografi yang ada sekarang ini telah menyarankan bahawa 'over-population' adalah merupakan satu masalah yang rumit dewasa ini, oleh itu langkah ke arah perancangan keluarga adalah penting dan perlu. Pendapat sedemikian kebanyakan daripadanya adalah berpuncu daripada saranan yang dikemukakan oleh Malthus yang menegaskan bahawa kadar pertumbuhan penduduk dunia akan melebihi kadar pengeluaran yang akhirnya akan mengancam 'survival' umat manusia (lihat Thompson & Lewis, 1965 : 15). Sebaliknya pula ada pendapat-pendapat yang berlandaskan pada hujjah-hujjah Marx menegaskan bahawa masalah over-population hanya ujud dalam sistem kapitalis, oleh itu sistem komunisme adalah digalakkan untuk mengatasi masalah ini (lihat Thompson & Lewis, 1965 : 48).

¹ Saudara Mohd. Nawi telah menjalankan kajiannya di Kampung Lubuk Kelubi, Ulu Langat, dan Albert Gomes di kawasan penempatan orang Asli di Sungai Lui, juga di Ulu Langat.

Dalam hal ini, negara kita sebagai sebuah negara yang sedang bangun perlulah mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengelakkan daripada timbulnya masaalah tersebut. Dengan itu diharapkan bahawa kajian ini akan dapat digunakan sebagai landasan untuk kajian-kajian yang berkait pada masa-masa yang akan datang. Penulis juga akan cuba mengaitkan antara bentuk atau corak demografi sosial yang dikaji dengan kesan dan akibat yang negatif daripada fenomena pencemaran alam sekitar yang berlaku di kawasan yang dikaji.

Di samping itu juga diharapkan kajian ini akan dapat memberikan satu pengetahuan yang umum tentang segala bentuk ciri-ciri masyarakat Jawa, bentuk sosio-budaya serta bentuk socio-ekonominya seperti yang terdapat di Kampung yang dikaji pada khususnya; dan melihat segala bentuk perubahan dan penyesuaian masyarakat tersebut sebagai kumpulan pendatang pada mulanya dan kemudiannya sebagai sebahagian daripada rakyat di negara ini. Dan akhir sekali kajian ini akan dengan cara tidak langsung dapat menambahkan lagi pada senarai-senarai bahan bacaan yang sedia ada.

1.2 Masaalah Kajian

Pada keseluruhannya penulis tidaklah banyak menghadapi masaalah atau kesusahan yang rumit di dalam usaha-usaha untuk mendapatkan data-data dari responden-responden yang diperlukan, tetapi seperti mana juga di dalam kajian-kajian sains sosial yang lain, beberapa masaalah atau kesusahan akan tetap dihadapi:-

- (i) Penulis menghadapi masaalah apabila menjalankan temuramah ke atas responden-responden, kerana kebanyakkan dari mereka tidak mempunyai masa kerja (working schedule) yang tetap. Selalunya mereka akan meninggalkan rumah sebelum matahari naik, pulang ke rumah pada sebelah petang hingga hari hampir senja. Oleh itu masa yang sesuai untuk menjalankan temuramah-temuramah adalah terhad, ada kalanya penulis terpaksa membuat kunjungan beberapa kali sehari untuk menemui para responden, ataupun cuba meringkaskan jangkawaktu sesuatu temuramah yang dijalankan. Terdapat di beberapa ketika penulis terpaksa mengunjungi seseorang responden semasa ia menjalankan pekerjaannya di kebun, ataupun membuat temuramah dengan responden secara informal di kedai kopi yang berhampiran. Walau bagaimanapun, ada kalanya juga sesuatu perbincangan dengan responden memakan masa yang begitu lama, terutamanya jika mereka itu terdiri dari kakitangan kerajaan, kerana selalunya mereka ini akan berada di rumah pada sebelah petang.
- (ii) Satu lagi masaalah yang dihadapi ialah kesusahan yang dialami oleh para responden apabila menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Misalnya

mereka dikehendaki untuk mengingati semula waris-waris mereka yang telah meninggal. Oleh kerana bentuk soalan-soalan yang dikemukakan memerlukan ingatan-ingatan yang lama, maka responden-responden tidak dapat memberikan maklumat-maklumat seperti yang diperlukan dengan tepat. Di antara perkara-perkara yang perlu dijawab dalam bahagian ini ialah seperti sejarah kelahiran, kematian dan sebab-sebab kematian, asal-usul tempat tinggal dan sebagainya. Selalunya jawapan yang diberi adalah dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa sejarah yang lalu seperti Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua, Kemerdekaan dan sebagainya. Apabila ditanya tentang sebab-sebab kematian seseorang, jawapan yang lazim diberikan ialah sakit tua atau demam panas. Tambahan pula corak soalan-soalan yang dikemukakan adalah agak membosankan, terutamanya pada responden sendiri; dan sudah tentu akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap jawapan-jawapan yang diberikan.

(iii) Ada juga beberapa orang responden yang seolah-olah menunjukkan sikap atau reaksi yang negatif terhadap penulis ataupun terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Misalnya, mereka akan terus menjawab soalan-soalan yang dengan mengatakan yang mereka 'tidak ingat', 'tidak tahu', ataupun 'lupa'. Kadangkala mereka terasa agak keberatan

untuk menjawab soalan-soalan yang berbentuk personel, seperti sebab-sebab berlakunya penceraian atau jika mereka mempunyai jumlah anak-anak yang ramai, ataupun tiada langsung anak-anak. Ada juga terdapat responden seolah-olah menyindir; mereka akan bertanya bahawa semasa kami² datang untuk memberi bantuan keuangan, ataupun memberikan tanah pada mereka.

1.3 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, data-data tentang demografi sosial diperolehi dengan menggunakan dua set soal-selidik³ yang berlainan dan cara yang digunakan ialah melalui oral interview. Dalam set soal-selidik yang pertama soalan-soalan yang dikemukakan adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang jentina, umur, tarikh dan tempat lahir, bangsa (etnik), pekerjaan dan sebagainya. Dengan lain perkataan soal-selidik ini ialah tentang banchi penduduk ke atas kawasan yang ditetapkan oleh penulis, di mana sejumlah 61 rumah tangga (household) telah diperolehi⁴.

² Saudara Nasarudin (co-researcher) turut serta dalam sebahagian daripada temurunah yang dijalankan oleh penulis.

³ Kawasan di mana kajian dijalankan hanya meliputi sebahagian sahaja daripada keseluruhan Kampung Labuhan Dagang, kerana adalah terlalu luas untuk menjalankan kajian ke atas keseluruhan kampung tersebut. Kawasan yang dimaksudkan ini dapat dilihat dalam Peta 2 yang ditandakan dengan garisan.

⁴ Kesemua analisa data-data dalam kajian ini adalah berdasarkan pada set soal-selidik yang pertama, kecuali jika set soal-selidik yang kedua digunakan, penulis akan sebutkan.

Pada dalam set soal-selidik yang kedua pula, di antara beberapa maklumat-maklumat yang ingin diperolehi ialah tentang latarbelakang sejarah seseorang responden itu; ini termasuklah asal tempat tinggal, bilakah mereka berhijrah ke tempat yang didiami sekarang, asal-usul keluarga mereka, dan beberapa perihal tentang ahli-ahli keluarga yang lain. Untuk bahagian ini seramai 75 orang responden⁵ yang sudah atau pernah mendirikan rumah tangga telah ditemuramah.

Temuramah secara informal juga dilakukan di mana maklumat-maklumat mengenai amalan-amalan seperti perancangan keluarga, pengguguran anak, jarak untuk melahirkan anak (spacing of family), jumlah anak yang diingini, sebab-sebab mengapa ingin anak yang ramai atau sikit dan sebagainya telah diperolehi. Walaupun bagaimanapun soalan-soalan yang dikemukakan di bawah bahagian ini adalah agak sensitif ataupun responden berasa agak keberatan untuk membincangkannya, oleh itu cara atau approach yang agak 'sesuai' telah digunakan oleh penulis supaya tidak menyinggung peribadi para responden. Ini dapat dilakukan kerana terlebih dahulu daripada itu penulis telah menjalankan bantuan penduduk, oleh itu penulis telah memperolehi serba sedikit maklumat tentang para responden yang akan ditemui kelak.

Selalunya temuramah-temuramah, samaada secara informal atau tidak, dilakukan di masa-masa yang 'lapang' bagi responden, supaya mereka

dapat memberikan jawapan-jawapan dalam suasana yang tenang. Ini adalah kerana sebagaian daripada soalan-soalan yang dikemukakan adalah agak sensitif, ataupun memerlukan ingatan-ingatan yang lampau. Selalunya waktu yang paling sesuai untuk menjalankan temuramah ialah di sebelah petang di mana kebanyakan daripada para responden sedang berihat di rumah.

Sungguhpun jangkamasa yang diambil untuk menghabiskan sesuatu temuramah adalah agak panjang (pada hitung panjangnya kira-kira tiga puluh minit), penulis diterima dan dilayan dengan keadaan yang penuh mesra. Ini mungkin adalah kerana kami telah diperkenalkan kepada penduduk-penduduk kampung oleh Wak Lurah (gelaran ketua kampung bagi komuniti Jawa) yang berkenaan, dan juga tempat penginapan kami semasa berada di Kampung tersebut adalah terdiri dari keluarga yang dihormati oleh penduduk-penduduk tersebut⁶. Masaalah communication gap juga tidak timbul sungguhpun kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada orang-orang Jawa, kerana mereka dapat 'menyesuaikan diri'⁷ apabila temuramah-temuramah dijalankan.

⁶ Sebelum kajian dijalankan, pihak Jabatan telah berhubung dengan Pejabat Baerah Kuala Langat untuk menguruskan tentang perkara tempat tinggal kami semasa kajian dijalankan di Kampung Labuhan Dagang.

⁷ Walaupun ada segolongan penduduk di sini yang masih kuat dengan loghat bahasa Jawa mereka, tetapi kebanyakan dari mereka dapat communicate dengan penulis apabila temuramah dijalankan.

Untuk menentukan kesahan data-data yang diperolehi, penulis telah membuat rujukan (cross-checked) dengan maklumat-maklumat yang telah didapati daripada responden-responden yang lain. Ini adalah kerana sejumlah besar dari penduduk-penduduk tersebut mempunyai hubungan persaudaraan antara satu sama lain.

1.4 Bidang Kajian

Kajian ini adalah pada dasarnya bertujuan untuk memberikan satu penerangan serta analisa yang teliti mengenai ciri-ciri dan dinamika penduduk-penduduk di Kampung Labuhan Dagang, Banting, Selangor⁸. Selain dari itu kajian ini juga akan cuba menghuraikan hubungan antara angkubah-angkubah penduduk seperti fertiliti, kematian (mortality) dan penghijrahan dengan struktur sosial, penyesuaian ekonomi dan latarbelakang ekologi kawasan tersebut. Oleh itu adalah perlu bagi penulis untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang sesuai daripada pengkaji-pengkaji yang lain supaya perbandingan-perbandingan yang munafaat dapat diperolehi. Begitu juga kajian ini adalah perlu bagi kajian-kajian yang lain di bawah projek ini, kerana kajian demografi sosial ini adalah sebagai asas atau pengenalan terhadap tajuk-tajuk kajian yang lain.

⁸ Peta serta keterangan-keterangan tentang kedudukan Kampung Labuhan Dagang akan dibincangkan dalam Bab III.

BAB II

SEJARAH DAN LATARBELAKANG SOSIO-BUDAYA, EKONOMI DAN POLITIK

2.1 Latarbelakang Sejarah dan Penyebaran Komuniti Jawa Secara Am

Walaupun sejarah perkembangan tentang penduduk-penduduk di negara ini salalunya dikaitkan dengan kumpulan-kumpulan pendatang, terutamanya dari kawasan benua-benua Cina, India dan seluruh kepulauan Indonesia, namun kajian-kajian atau perbincangan ke atas sejarah kemasukan kumpulan-kumpulan pendatang dari kepulauan Indonesia adalah terhad sekali. Sebaliknya tumpuan hanya berkisar ke atas kumpulan-kumpulan pendatang dari kawasan-kawasan benua Cina dan India. Keadaan sedemikian telah banyak mendatangkan kontroversi serta salah-faham di kalangan kita sendiri tentang asal-usul orang-orang Melayu, seperti mana yang dikatakan oleh Tunku Shamsul Bahrin (1967:267):

"Because of the lack of literature on this group of immigrants and because of their close and strong cultural and ethnic relationships with the local and indigenous Malays, many people have wrongly assumed that the majority of the so-called Malay population in Malaya are either Indonesian immigrants or direct descendants of such immigrants".

Kekurangan maklumat-maklumat serta data-data tentang perkara ini menghadkan penulis untuk hanya memberikan satu tinjauan yang umum sahaja tentang latarbelakang sejarah dan penyebaran komuniti Jawa di negara ini.

Jadual 2.1 memberikan jumlah penduduk-penduduk pendatang Indonesia di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat dalam tahun-tahun 1891 dan 1901. Dari jadual tersebut dapat dilihat bahawa kebanyakannya dari mereka adalah tertumpu di Singapura dan diikuti pula di Pulau Pinang, Selangor dan Perak.

JADUAL 2.1

PENDUDUK-PENDUDUK INDONESIA DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU
DAN NEGERI-NEGERI SELAT DALAM TAHUN-TAHUN 1891 DAN 1901

Negeri	1891	1901
Singapura	12,859	12,232
Pulau Pinang	3,060	1,897
Malaka	605	407
Negeri-Negeri Selat	16,524	14,536
Perak	1,348	2,373
Selangor	1,416	4,442
Negeri Sembilan	463	849
Pahang	556	505
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	3,783	8,169
Jumlah	20,307	22,705

Puncat : 'Census Reports of F.M.S. and S.S., 1891 and 1901'

Nota : Di dalam jadual ini Negeri Singapura telah dimasukkan sekali dalam banci penduduk-penduduk Indonesia di Tanah Melayu.

Walaupun Jadual 2.1 merujuk kepada penduduk-penduduk Indonesia pada keseluruhannya, adalah didapati bahawa kumpulan orang-orang Jawa adalah merupakan kumpulan pendatang yang terbesar sekali. Kenyataan ini dapat dilihat dengan merujuk kepada Jadual 2.2. di mana kumpulan orang-orang Jawa berjumlah seramai 14,239 orang daripada jumlah seramai 20,417 orang dalam tahun 1891; dan seramai 17,578 orang daripada jumlah seramai 23,933 orang dalam tahun 1901.

JADUAL 2.2

PENDUDUK-PENDUDUK INDONESIA DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU
DAN NEGERI-NEGERI SELAT, MENGIKUT KOMUNITI DAN SEKS

Komuniti	1891			1901		
	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Achek	621	456	165	1,485	1,485	181
Batak	228	124	104	228	-	-
Boyan	3,161	2,223	938	3,509	2,307	1,202
Bugis	2,168	-	-	1,133	600	533
Jawa	14,239	-	-	17,578	12,557	5,025
Jumlah	20,417			23,933		

Puncat: 'Census Reports of the F.M.S. and S.S., 1891 and 1901'.

Dalam tahun 1920 pula (lihat Jadual 2.3) jumlah orang-orang Jawa di seluruh Tanah Melayu ialah seramai 22,058 orang¹. Satu perkara

JADUAL 2.3

PENYEBARAN ORANG-ORANG JAWA MENGIKUT NEGERI-NEGERI DALAM TAHUN 1920

Negeri	Bilangan
Singapura	930
Pulau Pinang	1,369
Melaka	405
Perak	2,403
Selangor	1,576
Negeri Sembilan	1,082
Pahang	2,932
Johor	10,323
Kedah	497
Kelantan	650
Jumlah	22,058

Punca: 'Census Reports of the F.M.S. and S.S., 1921.'

1

Walau pun benci dalam Jadual 2.3 ini memasukkan Negeri-Negeri Tak Bersekutu, jumlah orang-orang Jawa di ketika itu adalah terlalu kecil hilangannya untuk mendatangkan perbezaan yang significant.

yang nyata dapat dilihat dari jadual ini ialah terdapatnya ramai penduduk-penduduk Java di Negeri Johor. Ini dapat diterangkan dengan adanya sistem contract di mana pekerja-pekerja ladang dibawa masuk dari Pulau Java. Jumlah komuniti Java yang ramai ini juga banyak didapati di negeri-negeri Pahang, Perak dan Selangor. Walau bagaimanapun selepas tahun 1949, banchi-banchi penduduk yang berikutnya tidak lagi membuat sebarang pembahagian kepada komuniti-komuniti Indonesia seperti yang dilakukan sebelum tahun 1949.

Orang-orang Java mula datang ke Tanah Melayu sejak awal kurun Kedua Puluh dan kebanyakannya dari mereka ini tinggal di merata tempat, khususnya di sebelah Pantai Barat Tanah Melayu. Kawasan-kawasan di mana menjadi tumpuan bagi orang-orang Java termasuklah Kelang, Banting, Tanjung Karang, Teluk Anson, Kuala Pilah, Muar dan Batu Pahat². Terdapat beberapa faktur tolakan dan tarikan yang menggalakkan kedatangan kumpulan-kumpulan pendatang dari Pulau Java. Faktur-faktur tolakan ialah:-

- (i) Pihak penjajah Belanda yang menindas dan memerah tenaga orang-orang Java. Misalnya, sebagai langkah kerajaan Belanda untuk menambahkan pendapatan negara, polisi forced cultivation telah dikemukakan. Di bawah polisi ini petani-petani telah dipaksa untuk

2

Orang-orang Java yang menetap di kawasan-kawasan ini tidak merupakan golongan buruh kasar yang bekerja di ladang-ladang atau di lombong-lombong, tetapi datang semata-mata untuk 'membuka tanah baru'.

menanam jenis-jenis tanaman yang ditentukan oleh kerajaan, khususnya untuk di ekspor. Sejumlah besar dari keuntungan yang dihasilkan oleh petani adalah dimiliki oleh pihak penjajah.

(ii) Kerajaan Belanda telah menganakan dua jenis cukai ke atas penduduk-penduduk Jawa, iaitu cukai tanah dan cukai kepala. Langkah ini telah menyempitkan lagi keadaan hidup penduduk-penduduk tempatan.

(iii) Kesempitan keadaan hidup ini telah bertambah buruk dengan adanya masaalah pertambahan penduduk yang begitu pesat di Pulau Jawa. Ini telah membuatkan kerajaan Belanda untuk menggalakkan penduduk-penduduk untuk berpindah ke kawasan lain (Outer Islands). Kesempatan ini telah diambil oleh orang-orang Jawa untuk berhijrah ke kawasan-kawasan lain, termasuklah Tanah Melayu dan Singapura.

Selain daripada faktur-faktur tolakan tadi, faktur-faktur tarikan pula adalah seperti berikut:-

(i) Di Tanah Melayu pula awal kurun Kedua Puluh banyak memberikan peluang-peluang pekerjaan, baik dalam bidang pertanian maupun di dalam bidang perlombongan. Penduduk-penduduk Jawa telah lama mendengar cerita-

cerita dari orang-orang yang pernah melawat Tanah Melayu. Dari cerita-cerita ini mereka tertarik dengan kesenangan dan kemewahan di negeri ini berbanding dengan keadaan yang terdapat di Pulau Jawa, seperti kata Tunku Shamsul Bahrin (1967:279):

"..... this was the period when most emigration from economically crippled Indonesia to the fast-developing Malaya ought to have taken place".

(ii) Polisi kerajaan Inggeris di ketika itu yang menggalakkan kemasukan buruh-buruh ladang dan lombong. Dengan adanya polisi sedemikian seolah-olah kemasukan pekerja-pekerja dari Pulau Jawa adalah lebih terjamin dari segi mendapatkan pekerjaan.

(iii) Kedudukan Tanah Melayu adalah tidak berapa jauh dari Pulau Jawa. Di samping itu juga keadaan ilmu alam dan cara hidup seperti yang terdapat di Tanah Melayu adalah tidak banyak berbeza dengan keadaannya di Pulau Jawa.

(lihat Omardin Ashari, 1967:13, 13, 14, 15).

Walaupun kemasukan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu pada awalnya adalah terdiri dari golongan buruh-buruh kasar dan pekerja-pekerja ladang, tetapi perkembangan seterusnya menunjukkan bahawa ramai di antara mereka pada kemudiannya telah berkecimpung di dalam bidang pertanian. Ini

adalah disebabkan samaada mereka pada asalnya memang terdiri dari golongan-golongan petani sebelum berhijrah dari Pulau Jawa; ataupun disebabkan lebih banyak peluang-peluang dalam bidang pertanian yang ujud di ketika itu, maka terdapat dengan meluasnya pembukaan tanah-tanah baru oleh peneroka-peneroka tersebut. Keadaan seperti ini masih berkekalan hingga sekarang di mana terdapat dengan ramainya orang-orang Jawa yang memiliki tanah pertanian secara persendirian, dan kebanyakan dari mereka ini adalah tertumpu kepada penanaman pokok-pokok kelapa, getah dan kopi secara pekelan-pekelan kecil, terutamanya di Perek, Selangor dan Johor.

Daripada keterangan-keterangan yang diberikan oleh beberapa responden yang berasal dari Pulau Jawa, kemuncak penghijrahan masuk komuniti-komuniti Jawa ke sekitar kawasan(Daerah Kuala Langat) ini ialah kira-kira dalam tahun 1928³. Mereka ini datang samaada terus ke Kampung Labuhan Dagang, ataupun ke kawasan-kawasan lain di sekitarnya, iaitu di sekitar daerah Kuala Langat sebelum berpindah dan seterusnya menetap di Labuhan Dagang⁴. Kebanyakan dari mereka ini datang secara berkumpulan, iaitu samaada di antara sanak saudara atau dari satu kawasan tempat tinggal yang sama. Tegasnya kedatangan secara berkumpulan ini merupakan sebagai satu security bagi mereka untuk berhijrah ke satu kawasan yang baru.

3

Kenyataan ini dapat dilihat jika diperhatikan bahawa orang-orang Indonesia di Negeri Selangor, daripada 17.1 ribu orang dalam tahun 1911 telah meningkat kepada 41.4 ribu orang dalam tahun 1921 dan seterusnya kepada 54.7 ribu orang dalam tahun 1931 (lihat Tunku Shamsul Bahrin 1967:275).

4

Untuk penerangan lanjut mengenai perkara ini, sila rujuk pada Bab IV di bawah tajuk 'Penghijrahan'.

2.2 Bahasa

Pada keseluruhannya sebahagian besar daripada penduduk-penduduk di sini menggunakan bahasa Jawa dalam pertuturan harian mereka. Bagi orang-orang Melayu⁵ pula, oleh kerana ramai yang masih menumpukan pergaulan mereka sesama sendiri, maka penggunaan bahasa 'Melayu biasa' adalah lebih luas, kecuali apabila mereka berhubung dengan orang-orang Jawa di mana bahasa Jawa adalah lazim dipergunakan. Malahan ada di antara pekedai-pekedai 'mamak' yang telah lama menjalankan perniagaan mereka di situ adalah fasih bertutur dalam bahasa Jawa.

Mengikut penduduk-penduduk di situ lagi, bahasa yang biasa digunakan dalam pertuturan harian mereka adalah merupakan bentuk bahasa yang 'kasar'. Ini adalah berbeza daripada bahasa 'halus' yang mengikut mereka adalah merupakan bentuk bahasa yang lebih sopan dan lemah lembut. Di kawasan tersebut kebanyakannya orang-orang dari golongan tua sahaja yang fasih menggunakan bahasa halus, manakala golongan generasi muda hanya sekadar memahaminya sahaja, tetapi tidak boleh bertutur dalam bahasa halus tadi. Semasa menjalankan temuramah-temuramah, terdapat beberapa ketika kesukaran untuk berhubung dengan responden-responden yang sudah berumur, di mana mereka ini masih pekat dengan bahasa Jawa mereka. Apabila keadaan seperti ini timbul, maka penulis

5

Yang menganggap diri mereka sebagai orang Melayu ini adalah sebenarnya terdiri dari suku bangsa Bugis yang telah menetap di situ terlebih dahulu dari orang-orang Jawa. Perkara ini akan diterangkan lagi dalam Bab IV.

terpaksa memerlukan pertolongan 'penterjemah', iaitu samaada si anak atau jiran kepada responden.

2.3 Kegiatan Ekonomi

Pertanian adalah merupakan kegiatan ekonomi yang terpenting sekali. Ini tidaklah menghairankan kerana di samping berhijrah dari Pulau Jawa, mereka telah membawa bersama-sama mereka pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang pertanian yang merupakan satu tradisi yang lama pada mereka. Di masa yang sama didapati juga bahawa tiada terdapat pilihan lain, selain daripada bidang pertanian sebagai hasil punca kehidupan yang utama sekali. Didapati pertanian terus menjadi kegiatan yang terpenting sekali hingga ke hari ini⁶. Kepentingan dalam bidang pertanian ini terus berkembang walaupun sudah banyak terdapat peluang-peluang untuk melibatkan diri mereka dalam pekerjaan lain seperti kerja-kerja perlombongan, perkilangan dan juga sebagai kakitangan kerajaan.

Kegiatan pertanian di kawasan ini adalah ditumpukan kepada penanaman pokok kopi dan diikuti pula dengan penanaman pokok kelapa sawit. Pada puratanya setiap ahli keluarga di kampung ini memiliki bidang tanah seluas satu setengah ekar seorang (keluasan ini tidak termasuk bagi

6

Terlebih dahulu dari ini ada disebutkan bahawa orang-orang Jawa yang berhijrah ke Tanah Melayu adalah terdiri juga dari pekerja-pekerja ladeng dan lombong, tetapi kumpulan orang-orang Jawa yang datang ke sekitar kawasan Kuala Langat tidak merupakan sebahagian daripada pekerja-pekerja tadi. Malahan mereka ini lebih merupakan peneroka-peneroka pembukaan tanah baru untuk pekerjaan pertanian.

mereka yang memiliki bidang tanah di luar daripada kawasan yang dikaji). Bagi mereka yang memiliki bidang tanah sendiri, bolehlah dikatakan bahawa kebanyakannya dari mereka hidup dalam keadaan yang agak mewah, lebih-lebih lagi memandangkan harga pasaran bagi kopi dan kelapa sawit yang begitu stabil. Tambahan pula tanaman pokok-pokok kopi dan kelapa sawit bolehlah dikatakan sebagai dua jenis tanaman yang sungguh memberikan hasil yang lumayan. Pokok kopi boleh hidup dan memberikan hasil selama lebih kurang empat puluh tahun, dan walaupun hasil kopi adalah mengikut musim, tetapi harga yang diperolehi adalah tinggi. Sementara pokok kelapa sawit walaupun usianya hanyalah di antara dua puluh lima hingga tiga puluh tahun, tetapi hasil yang didapati adalah lebih kerap.

Di samping itu pula sekarang ini telah banyak kedapatan kebun-kebun kopi dan kelapa sawit telah mula ditanam dengan sistem inter-cropping, iaitu pokok-pokok kopi dan kelapa sawit diselangkan dengan tanaman-tanaman seperti pokok pisang, koko, pokok buah-buahan dan sebagainya. Dengan cara ini membolehkan pekebun-pekebun mendapatkan hasil yang bertambah.

Pada keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa sistem pengerjaan tanah (lenduse) di kawasan ini adalah teratur, baik dari segi pengerjaan maupun dari segi penanaman. Keadaan ini dapat dilihat dengan merujuk kepada Peta 2 yang dilampirkan dalam Bab III. Pada kawasan-kawasan pertanian didapati parit-parit kecil dibina sebagai sistem air. Pokok-pokok tanaman pula dibajakan pada ketika-ketika yang tertentu; begitu juga laleng dan semak-semak dibersihkan supaya tidak merosakkan tanaman.

Selain dari itu, bolehlah dikatakan bahawa setiap keluarga ada memelihara binatang-binatang ternakan seperti ayam, itik, kambing dan lembu, walaupun pemeliharaan binatang-binatang ini bukan untuk dijualkan.

Jika dilihat pada Peta 2 tadi, terdapat juga beberapa bidang tanah di mana pokok getah ditanam. Harus dijelaskan di sini bahawa pokok-pokok getah ini tidak lagi diusahakan kerana mengikut tuanpunya pokok getah ini hasil pendapatan dari getah tidaklah lumayan jika dibandingkan dengan hasil-hasil yang diperolehi dari tanaman kopi dan kelapa sawit. Oleh itu didapati bahawa pokok-pokok getah tadi dibiarkan sahaja, ataupun digantikan dengan tanaman lain.

Bagi mereka yang tidak memiliki tanah pula, mata pencarian mereka adalah diusahakan samaada melalui mendapatkan upahan mengerjakan tanah orang lain; bekerja di ladang-ladang kelapa sawit yang besar; bekerja di lombong, kilang atau dengan badan-badan kerajaan; ataupun dengan menangkap ikan dan udang di sungai yang berhampiran. Tetapi dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini hasil dari penangkapan ikan dan udang yang ⁷ Klan berkurangan jumlahnya telah membuatkan mereka untuk meninggalkan kerja tersebut. Sebagai pilihan lain mereka ini samaada

7

Pada hari yang pertama kajian dijalankan, penulis dan saudara Nasarudin telah menemani Pak Haji (tuan rumah tempat tinggal kami) ke sungai yang berhampiran untuk mengutip ikan dan udang yang telah dijeratkannya, tetapi didapati bahawa kesemua tangkapannya telah mati. Dari penjelasan Pak Haji kejadian itu adalah satu kejadian yang biasa berlaku, di mana air sungai telah diracun untuk 'memabukkan' ikan.

mendapatkan upahan untuk mengerjakan kebun orang lain ataupun mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan tanah baru yang diusahakan oleh badan-badan kerajaan.

Dilihat dari jadual 2.4 sebilangan besar dari tenaga pekerja di kampung ini adalah tertumpu kepada pekerjaan berkebun semata-mata; dilikuti pula dengan kategori pekerja-pekerja buruh kasar, samaada bekerja dengan pihak kerajaan ataupun pihak swasta. Satu aspek yang timbul di sini ialah tardapatnya seramai lapan orang yang bekerja di kilang-kilang dan kesemua dari mereka ini adalah terdiri dari kaum wanita belaka (mereka ini dimasukkan dalam kategori iii)). Seperti yang telah disebutkan di atas, pekerjaan menangkap ikan dan udang tidak lagi merupakan

JADUAL 2.4

BILANGAN TENAGA KERJA MENGIKUT JENIS PEKERJAAN

Jenis Pekerjaan	Bilangan
(i) Berkebun/Pekerjaan Pertanian	48
(ii) Buruh Kasar:- Melombong, 'Jaga', Pekerja Buruh di Badan-badan Kerajaan	33
(iii) Bexniaga	7
(iv) Menangkap Ikan/Udang	3

kegiatan yang penting⁸, di mana hanya terdapat tiga orang sahaja yang masih bergiat dalam bidang ini dengan sepenuhnya. Sementara itu pula bidang perniagaan pula dijalankan oleh seramai tujuh orang, iaitu terdiri dari peniaga-peniaga kedai runcit dan juga menjual binatang ternakan seperti ayam dan itik.

Satu lagi perkara yang menarik dari jadual ini ialah tiada terdapatnya seorang pun dari penduduk-penduduk di sini yang bekerja sebagai kerani, guru, pegawai kerajaan atau sebagainya. Harus juga di-terangkan di sini bahawa jika dilihat secara kasar akan jadual 2.4 di atas, didapati bahawa bilangan mereka yang berada dalam kategori (ii) tidak banyak berbeza dari mereka yang bekerja dalam bidang pertanian (i). Sebenarnya mereka yang berada dalam kategori (ii) ini, selain dari bekerja di lombong, kilang, dan sebagai buruh-buruh kasar yang lain, namun mereka tetap terlibat dalam kegiatan pertanian kerana kebanyakan dari mereka ini mempunyai bidang tanah, walaupun kecil, di halaman rumah mereka sebagai kawasan menanam pokok-pokok seperti kopi, kelapa sawit dan pisang. Oleh itu kedudukan bidang pertanian sebagai aktiviti yang terpenting sekali tidak berubah walaupun peluang-peluang lain boleh didapati seperti pekerjaan-pekerjaan di lombong, kilang dan juga dengan badan-badan kerajaan. Tambahan pula tarikan-tarikan pekerjaan dan kehidupan di bandar tidak banyak mempengaruhi golongan-golongan muda di kampung ini, seperti

8

Sebenarnya penangkapan ikan dan udang telah diperkenalkan oleh orang-orang Asli yang tinggal di pinggir kampung ini (lihat Peta 2).

mana yang akan diterangkan lagi dalam Bab IV di bawah tajuk kecil Penghijrahan. Keadaan ini adalah agak berbeza sedikit daripada apa yang didepati oleh saudara Mohd. Nawi di Kampung Lubuk Kelubi, di mana kegiatan pertanian tidak lagi merupakan kegiatan yang terpenting. Ini adalah terutamanya disebabkan hasil dari pengaruh-pengaruh modenisasi dan juga pembangunan di sekitar kampung tersebut; di samping adanya penghijrahan oleh golongan muda-mudi ke Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sebagainya.

Walaupun penganalisaan tentang kategori pertanian dalam jadual 2.4 ini hanya meliputi kaum lelaki sahaja, ini tidak bermakna bahawa kaum wanita tidak langsung mengambil bahagian dalam kegiatan pertanian. Di sebaliknya, seperti juga dalam mana-mana bidang pertanian di rantau ini, golongan wanita tetap memberikan sumbangan dalam bidang ini, tetapi bukan dalam bentuk persendirian, hanya mereka ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan tenaga kerja di dalam sesebuah keluarga. Keadaan seperti ini membuatkan lagi kegiatan pertanian menjadi lebih penting di kampung ini.

2.4 Organisasi Sosio-Politik

Pada dasarnya organisasi sosio-politik seperti yang terdapat di kampung ini adalah sebenarnya merupakan sebahagian daripada satu jaringan (network) yang meliputi peringkat negara. Di peringkat yang atas sekali ialah unit negara, diikuti pula dengan unit negari, yang

mana dibahagikan pula kepada unit mukim.

Kampung Labuhan adalah merupakan salah satu daripada empat kampung-kampung yang ditadbirkan oleh seorang Penghulu. Keempat-empat kampung ini adalah merupakan salah satu unit daripada beberapa buah unit yang dirangkumi ke dalam sebuah mukim yang dikenali sebagai Mukim Tanjung Dua Belas. Penghulu yang disebutkan tadi adalah merupakan seorang pegawai kerajaan yang dilantik. Beliau adalah bertugas untuk menyelaraskan sistem pentadbiran di dalam kampung-kampung yang berada di bawah pengawasannya. Dengan lain perkataan seorang Penghulu adalah lebih merupakan orang tengah atau perantaraan di antara penduduk-penduduk kampung dengan pegawai naerah.

Di bawah penghulu pula terdapat seorang lagi 'pegawai' yang dikenali sebagai Wak Lurah, iaitu suatu gelaran Jawa bagi ketua kampung, sebagaimana ia dikenali dengan gelaran Tok Empat di Kampung Lubuk Kelubi. Peranananya adalah lebih kurang serupa dengan Penghulu, kecuali perhubungan-nya dengan penduduk-penduduk kampung adalah lebih direct daripada Penghulu. Oleh itu Wak Lurah ini adalah sebenarnya lebih merupakan orang perantaraan antara penduduk-penduduk kampung dengan Penghulu. Kedudukan Wak Lurah adalah memerlukan perlantikan yang dilakukan oleh satu jawatankuasa kampung, yang mana parlantikannya adalah disahkan kemudian oleh kerajaan dan dibayar ~~alam~~ saguhati setahun sekali (*token allowance*). Dari aspek ini bolehlah dikatakan bahawa Wak Lurah lebih mewakili penduduk-penduduk kampung daripada mewakili pihak kerajaan.

Di samping Wak Lurah, turut juga mentadbir kampung ini ialah satu jawatankuasa kampung yang terdiri daripada lapan orang, termasuk Wak Lurah sendiri sebagai Yang Di Pertua. Jawatankuasa kampung ini adalah ditubuhkan melalui perlantikan oleh penduduk-penduduk sendiri, dan ahli-ahli jawatankuasa ini bukannya merupakan pegawai-pegawai kerajaan, malahan lebih merupakan Voluntary leaders.

Terdapat dua buah masjid di kampung ini, yang baru adalah didirikan untuk menampung bilangan penduduk yang semakin bertambah. Setiap masjid mempunyai satu jawatankuasa sendiri dan setiap jawatankuasa ini adalah diketuai oleh seorang setiausaha. Tugas-tugas mereka adalah lebih untuk menyelaraskan pengurusan masjid dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal ugama yang berbangkit di kampung tersebut. Peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa ini tidak kurang pentingnya, oleh itu sedikit-sebanyak dapat menolong Wak Lurah untuk menjalankan tugas-tugasnya. Ini adalah kerana sukar bagi Wak Lurah atau jawatankuasa tersebut untuk mentadbir kampung tersebut yang begitu ~~ramai~~ bilangan penduduknya secara bersendirian. Oleh itu kerja-kerja yang dijalankan oleh kedua-dua Wak Lurah dan jawatankuasanya adalah berbentuk complimentary.

Di peringkat yang bawah lagi terdapat pula beberapa buah surau yang juga memainkan peranan bukan sahaja sebagai tempat beribadat tetapi juga sebagai tempat perbincangan bagi ahli-ahli yang tinggal di sekitar kawasan sesebuah surau itu.

Di bidang politik pula terdapat dua buah parti politik yang bergerak dengan agak aktifnya di kampung tersebut, iaitu parti UMNO dan PAS. Walau bagaimanapun parti UMNO adalah merupakan parti yang paling dominant sekali sejak dulu lagi, dan lebih-lebih lagi apabila parti PAS telah bergabung ke dalam Barisan Nasional. Kemasukan PAS ke dalam Barisan Nasional telah menjadikan parti tersebut sebagai passenger party yang boleh disifatkan sebagai ujud dengan nama sahaja. Malahan, daripada perbualan-perbualan dengan beberapa orang responden yang pernah aktif dalam parti PAS, didapati bahawa terdapat sekumpulan ahli-ahli PAS yang menarik diri daripada menjadi ahli parti PAS kerana tidak bersetuju dengan keputusan parti tersebut memasuki Barisan Nasional. Pada dasarnya di kampung ini penduduk-penduduk dari setiap lapisan masyarakat agak bergiat dengan aktifnya di dalam bidang politik.

Selain daripada itu tidak kurang pentingnya juga peranan yang dimainkan oleh organisasi-organisasi sosial yang lain, seperti Persatuan Ibumapa/Guru-Guru, Persatuan Belia 4B, dan juga lain-lain persatuan yang berbentuk informal.

Walaupun pada dasarnya masyarakat Jawa tradisi adalah merupakan satu masyarakat yang saling bergantungan di antara satu sama lain dan oleh itu institusi gotong-royong banyak diamalkan, namun ciri-ciri tersebut telah semakin berkurangan di zaman yang serba moden ini. Di sebaliknya ciri-ciri individualistik telah banyak mempengaruhi kehidupan mereka. Ciri-ciri tolong-menolong dan bergotong-royong dalam erti-kata yang sebenarnya

hanya dapat dilihat apabila terdapat majlis kenduri-kendara, perkahwinan, ataupun upacara pengkebumian dijalankan.

Pada dasarnya, jika dipandang dengan sepintas lalu, kesemua kegiatan-kegiatan sosio-politik seperti yang disebutkan di atas tadi nampaknya menunjukkan bahawa adalah terlalu rumit untuk kesemuanya untuk dijalankan dalam hanya sebuah kampung. Tetapi sebenarnya kegiatan-kegiatan tersebut adalah disusun dan dijalankan dengan agak rapi, dan ia-nya adalah seolah-olah merupakan satu hairaki sosio-politik dan dijalankan di peringkat kampung, dan mempunyai hubungan yang rapat pula dengan peringkat mukim, daerah, negeri, dan nasional pada keseluruhannya.

BAB III

LATARBELAKANG ILMU ALAM KAMPUNG LABUHAN DAGANG¹

Kampung Labuhan Dagang adalah terletak kira-kira dua belas batu dari bandar Banting, Kuala Langat; dan kawasan petempatan ini pula adalah kira-kira dua batu jauhnya daripada simpang jalanraya besar di antara Banting dan Dengkil. Kampung Labuhan Dagang dihubungkan dengan Kuala Lumpur (wilayah Persekutuan) melalui dua jalanraya. Yang pertama adalah menelusi bandar-bandar Pelabuhan Kelang dan Banting; sementara yang kedua ialah melalui bandar-bandar Sungai Besi dan Dengkil. Labuhan Dagang boleh juga dihubungkan dengan Kuala Lumpur melalui bandar-bandar Dengkil dan Kajang, tetapi jalan-jalan ini adalah lebih jauh jaraknya jika dibandingkan dengan kedua-dua jalanraya yang disebutkan di atas tadi². Manakala sistem pengangkutan yang terdapat ialah dengan menggunakan teksi-teksi atau bas yang berulang-alik antara Labuhan Dagang dengan bandar Banting. Jadi berdasarkan pada sistem-sistem perhubungan dan pengangkutan yang terdapat di Kampung Labuhan Dagang, adalah jelas bahawa kedudukan kampung ini tidaklah terpencil (*isolated*) dari segi hubungannya (*accessibility*) dengan kawasan-kawasan lain.

Asal-usul serta keujudan kampung ini adalah sebenarnya bukan sesuatu kawasan petempatan yang dirancangkan oleh mana-mana pihak berkuasa.

1

Telah diterangkan dalam Bab I bahawa kawasan bincian yang hanya meliputi sebahagian sahaja daripada keseluruhan Kampung Labuhan Dagang, tetapi di dalam Bab ini segala huraian yang diberikan adalah meliputi seluruh kawasan Labuhan Dagang.

2

Untuk gambaran yang lebih jelas sila rujuk Peta I, halaman 2.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah bahawa penubuhan Kampung Labuhan Dagang bermula dengan kedatangan kumpulan-kumpulan pendatang Indonesia, iaitu bermula dengan kedatangan kumpulan orang-orang Bugis dan diikuti kemudiannya oleh orang-orang Jawa. Proses petempatan (settlement) seperti ini adalah berbeza dengan proses petempatan seperti yang dirancangkan oleh badan-badan kerajaan seperti FELDA, LKTP dan JOA yang telah banyak membuka tanah-tanah baru sebagai kawasan petempatan dan pertanian kepada mereka yang tidak mempunyai tanah. Di sebaliknya, Kampung Labuhan Dagang adalah lebih merupakan kawasan yang ujud secara natural, walaupun dari segi masa ianya boleh disifatkan sebagai satu kawasan yang masih 'muda' usianya, iaitu kira-kira dalam tahun 1928.

Pada permulaannya kampung ini hanya dijadikan sebagai tempat persinggahan atau tempat berlabuh bagi kapal-kapal kecil yang menjalankan perdagangan di sepanjang Kuala Sungai Langat dahulu³. Seterusnya dengan cara beransur-ansur, pendatang-pendatang dari Pulau Jawa khususnya, mula menetap di sini sebagai tempat tinggal mereka di samping membuat pekerjaan ladeng atau menangkap ikan secara kecil-kecilan.

Seterusnya perkembangan yang pesat di kampung ini telah menjadikannya sebagai satu kawasan yang mewah dalam bidang pertanian, terutamanya dalam penanaman pokok-pokok kopi dan kelapa sawit. Hal ini

3

Daripada keterangan-keterangan yang diberikan oleh beberapa orang responden, nama asal yang sebenarnya dari Labuhan Dagang diambil dari perkataan 'berlabuh'. Selanjutnya mereka menerangkan bahawa pada awal perkembangan kampung ini, tempat tersebut telah menjadi tumpuan bagi kapal-kapal kecil untuk berlabuh di situ, iaitu ianya dijadikan sebagai pusat persinggahan.

dapat dibuktikan lagi di mana Kampung Labuhan Dagang pernah memenangi hadiah ketiga dalam pertandingan bidang pertanian bagi seluruh daerah Kuala Langat yang dianjurkan oleh badan pertanian tempatan yang berkenaan. Di samping itu juga didapati bahawa banyak badan-badan pertanian di seluruh Semenanjung Malaysia yang datang ke kampung tersebut. Mereka ini datang samaada untuk mempelajari teknik-teknik menanam pokok kopi atau kelapa sawit, ataupun untuk mendapatkan benih-benih biji kopi atau anak pokok kelapa sawit untuk ditanam di tempat-tempat lain⁴.

Pada keseluruhannya, Lebuhan Dagang adalah terletak di satu kawasan yang agak rata. Seperti mana yang telah diterangkan, kawasan ini adalah diperaihi dengan tanaman-tanaman pokok seperti kopi, kelapa sawit, pisang, tembakau, koko, ubi kayu, dan sedikit pokok-pokok getah dan buah-bushan. Walaupun tanaman-tanaman seperti kelapa sawit dan getah lebih bersetujuan dengan bentuk tanah yang beralun (undulating), tetapi disebabkan oleh adanya sistem saliran air (drainage system) yang teratur, maka tanaman-tanaman tadi dapat hidup dalam keadaan yang agak sempurna. Dan melalui tinjauan penulis sendiri ke atas bidang-bidang tanah yang diusahaikan, dapatlah dikatakan bahawa pada keseluruhannya pengajaran ke atas bidang-bidang tanah tadi dijalankan dengan begitu teratur dan sistematis.

⁴ Dalam jangkawaktu penulis menjalankan kajian di kampung tersebut, terdapat beberapa kunjungan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai pertanian dari Felda dan juga dari Universiti Pertanian Malaysia untuk tujuan-tujuan yang disebutkan di atas tadi.

Kedudukan Kampung Labuhan Dagang juga adalah berhampiran dengan Sungai Langat. Sungai ini terletak di sebelah selatan kampung tersebut dan iaanya mengalir dari barat ke timur. Melalui keterangan-keterangan yang diperolehi oleh saudara Nasarudin hasil dari temuramah yang dijalankannya, didapati kegunaan sungai tersebut secara langsung kepada penduduk-penduduk Labuhan Dagang adalah terhad sekali. Kalau dulu iaanya pernah digunakan sebagai sistem perhubungan dan pengangkutan dan penangkapan ikan dan udang; tetapi pengaruh-pengaruh moden telah mengubah corak kegunaan Sungai Langat ini.

Pertamanya, sistem perhubungan melalui sungai telah digantikan dengan menggunakan jalanraya, dan sistem pengangkutan pula telah menggunakan bas, kereta dan motosikal. Keduanya, pekerjaan menangkap ikan dan udang telah berubah khususnya kepada pekerjaan pertanian. Kesemua perubahan ini adalah dianggapkan sebagai lebih efficient. Tetapi harus disedari bahawa satu faktur yang penting juga yang menyebabkan perubahan tersebut berlaku ialah tentang keadaan sungai itu sendiri. Kegiatan-kegiatan perlombongan yang bergerak dengan lancarnya di sebelahulu sungai ini, misalnya di Dengkil, telah menyebabkan proses pemendapan (siltting process) juga berlaku dengan pesatnya. Proses ini bukan sahaja mengakibatkan paras air sungai menjadi lebih cetik, bahkan juga menyebabkan kandungan air menjadi keruh dan kemungkinan berlakunya banjir air sungai juga akan bertambah, seperti mana berlakunya banjir dalam tahun 1971 di mana menyebabkan kerosakan dan kematian kepada pokok-pokok tanaman dan binatang ternakan. Dalam kaitan ini penulis merasa agak

'ganjil' tentang bagaimanakah pihak Jabatan Parit dan Talair (JPT) telah mengambil tindakan untuk mengorek mendak (silt) dan meluruskan aliran-aliran sungai dengan tujuan untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya banjir dan mengurangkan berlakunya proses hakisan tanah (soil erosion) di tebing-tebing sungai. Tetapi di sebalik usaha-usaha JPT ini, kegiatan-kegiatan perlombongan tadi terus bergiat dengan aktifnya. Memandangkan kedua-dua proses ini berjalan dengan serentak, maka penulis tidak dapat melihat bagaimana pihak JPT tadi dapat mencapai matlamat-matlamat yang ditujukan⁵.


Seterusnya, sebahagian besar daripada Kampung Labuhan Dagang adalah dilalungi oleh ladang-ladang kelapa sawit seperti ladang-ladang kepunyaan Brooklands, Padang Rusa, dan juga ladang Bukit Tadun (dimiliki oleh kumpulan orang-orang Asli). Penanaman pokok-pokok kelapa sawit oleh syarikat-syarikat besar telah sedikit sebanyak mempengaruhi penduduk di kampung ini untuk mereka mulakan menanam pokok kelapa sawit. Ini adalah kerana kemudahan-kemudahan serta keperluan-keperluan yang asas dalam penanaman jenis pertanian ini hanya dapat disediakan terlebih dahulu oleh syarikat-syarikat tersebut.

Selain daripada kemajuan dalam bidang pertanian di Labuhan Dagang, terdapat juga berbagai kemudahan-kemudahan yang asas bagi penduduk

⁵ Mengikut dua orang pekerja JPT yang bekerja dalam projek di sungai tadi jangka masa serta perbelanjaan yang telah ditetapkan terpaksa diubah, iaitu jangka masa serta perbelanjaan untuk projek tersebut telah ditambah.

PETA 2

PERSEKITARAN LABUHAN DAGANG



Nota: Garisan merah menunjukkan kawasan kajian yang sebenarnya.

kampung ini. Di antara kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan termasuklah sebuah klinik bidan, dua buah masjid dan beberapa surau, sekolah kebangsaan dan sekolah ugama, balai polis dan balai raya, wakil pos dan beberapa buah kedai. Selain daripada itu, terdapat juga jalan-jalan tar dan tanah merah⁶, sistem saliran air (drainage system), serta bekalan air dan letriik.

Berdasarkan pada keterangan-keterangan di atas, bolehlah dikatakan bahawa setakat ini survival bagi kampung ini pada keseluruhannya adalah corak sekali. Pergantungan kepada bidang pertanian adalah agak stabil; perhubungan dengan kawasan-kawasan lain adalah mudah dan reliable di mana kemudahan-kemudahan perhubungan dan pengangkutan seperti bas dan teksi adalah disediakan; di samping itu terdapat beberapa buah kedai yang mana akan menyenangkan pembekalan harian penduduk-penduduk. Walaupun bagaimanapun, satu faktur negatif yang jelas ujud di Lebuan Dagang, seperti juga di tempat-tempat lain, ialah masaalah pembahagian tanah (land fragmentation) di kalangan penduduk-penduduk tersebut. Sehingga ini masaalah ini diredukan sedikit dengan adanya rancangan-rancangan pembukaan tanah baru oleh pihak yang berkenaan.

6

Mengikut Wak Lurah Kampung tersebut, semua jalan-jalan tanah merah yang ada sekarang akan ditarkan kelak.

BAB IV

CIRI-CIRI DAN DINAMIKA PENDUDUK DI LABUHAN DAGANG

Bab ini akan memberikan keterangan-keterangan mengenai taburan dan kepadatan penduduk, struktur umur dan seks, pola-pola fertiliti dan mortaliti, penghijrahan serta pertumbuhan penduduk-penduduk di kawasan kajian. Seperti mana yang telah diterangkan dalam Bab I dulu ada kalanya data-data atau maklumat-maklumat yang diperolehi adalah tidak begitu tepat, misalnya maklumat tentang kematian dan penghijrahan. Walau bagaimanapun pandangan yang umum atau menyeluruh tentang pola-pola demografi di Labuhan Dagang dapat dikemukakan dari data-data yang telah diperolehi semasa kajian dijalankan.

4.1 Ciri-ciri dan Taburan Penduduk

Sehingga bulan April 1977 (semasa kajian dijalankan) terdapat seramai 347 orang penduduk di kawasan kajian yang ditetapkan. Daripada jumlah ini, lebih kurang 80.69%¹ menganggap diri mereka adalah dari keturunan (etnik) Jawa dan yang lebihnya pula menganggap diri mereka sebagai orang atau bangsa 'Melayu'². Walau bagaimanapun penulis telah

¹ Jumlah % ini termasuklah anak-anak yang dilahirkan di mana si bapa adalah orang Jawa dan ibu orang 'Melayu', manakala sebaliknya anak-anak yang dilahirkan kepada ibu yang berbangsa Jawa, dan bapa pula berbangsa 'Melayu', adalah digolongkan ke dalam bangsa Melayu. Ini didasarkan pada bentuk keluarga patrilineal.

² Daripada kajian selanjutnya, terutamanya persoalan-persoalan ke atas orang tua, penulis dapat bahawa orang-orang yang menganggap diri mereka sebagai orang Melayu ini adalah terdiri dari keturunan Bugis yang telah swal lagi menetap di kawasan tersebut.

membuat penganalisaan yang teliti mengenai perkara ini (lihat Jadual 4.1 di bawah). Dari jadual ini didapati sebanyak 71.48% (63.68% + 7.78%) adalah terdiri dari kumpulan etnik Jawa yang 'tulin', sementara sebanyak 15.85% adalah terdiri dari kumpulan etnik Bugis yang 'tulin'. Yang

JADUAL 4.1

ASAL-USUL KELAHIRAN DAN KETURUNAN ETNIK PENDUDUK DI LABUHAN DAGANG

	Lelaki	Perempuan	Jumlah %
Berasal dan lahir di Pulau Jawa	14	13	7.78
Anak-anak dari keturunan Jawa dan lahir di Malaysia	117	104	63.68
Anak-anak yang mempunyai ibu atau bapa dari keturunan Jawa atau Bugis	20	12	9.22
Suami atau isteri yang berketurunan Jawa atau Bugis	5	7	3.45
Suami dan isteri, dan anak-anak dari keturunan Bugis	28	27	15.85

selebihnya, iaitu sebanyak 12.67% adalah merupakan orang-orang yang samaada anak-anak yang mempunyai bapa atau ibu yang berketurunan Jawa, ataupun suami atau isteri dari keturunan Jawa. Dalam kata lain, mereka ini adalah berketurunan campuran antara Jawa dan Bugis.

Walaupun kedua-dua golongan penduduk ini tinggal dalam satu kampung yang sama, tetapi kebanyakan daripada orang-orang Bugis adalah didapati tinggal berkumpul di satu kawasan yang agak berasingan daripada penduduk-penduduk Jawa. Ini adalah kerana penduduk-penduduk Bugis ini telah menetap di kampung tersebut terlebih dahulu dari orang-orang Jawa.

4.2 Struktur Umur dan Seks

Harus dijelaskan terlebih dahulu bahawa oleh kerana jumlah penduduk yang terlibat adalah agak kecil, terutamanya golongan penduduk yang berada dalam kategori-kategori umur yang atas (old age categories), maka kesilapan di dalam penafsiran atau pengiraan umur bagi beberapa orang sahaja adalah cukup untuk mengubah dengan berkesannya (affect significantly) akan bentuk piramid penduduk yang dikaji. Ini juga bermakna bahawa jika data-data yang diberikan oleh para responden adalah secara 'arbitrary', maka bentuk piramid yang terbentuk sudah tentu akan menghasilkan satu penganalisaan yang tidak tepat oleh penulis.

Dalam kajian ini penulis tidaklah begitu banyak menghadapi kerumitan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai umur seseorang itu, seperti mana yang biasa dihadapi oleh pengkaji-pengkaji lain yang membuat

kajian mereka ke atas apa yang disebutkan sebagai masyarakat-masyarakat yang primitif atau simple. Misalnya di dalam kajian yang dilakukan oleh saudara Albert Gomes ke atas kumpulan orang-orang Asli diai di Kelantan dalam tahun 1976, beliau menghadapi masaalah dalam mendapatkan umur penduduk-penduduk tersebut, oleh itu beliau terpaksa menggunakan cara-cara yang 'arbitrary' untuk mendapatkan umur seseorang itu.

Walau bagaimanapun harus juga ditegaskan di sini bahawa tidaklah bermula data-data tentang umur yang diperolehi oleh penulis adalah tepat. Ini adalah kerana ada kalanya seseorang ibu atau bapa apabila ditanya tentang umur ahli-ahli keluarga mereka, akan memberikan umur-umur yang kurang tepat ataupun secara arbitrary, terutamanya kalau seseorang itu mempunyai ahli-ahli keluarga ramai. Dalam hal ini, penulis tidak selalu berpeluang untuk menyemak umur-umur mereka dengan kad-kad pengenalan.


Selain dari itu pula, adalah menjadi perkara yang biasa di kalangan orang-orang yang agak sudah berumur untuk memiliki kad pengenalan di mana umur yang tercatit adalah berkurangan daripada umur yang sebenar. Ini adalah kerana ketika mereka membuat lapuran kepada pihak yang berkenaan tentang umur mereka, tarikh lahir yang diberikan adalah tidak tepat; salalunya melewati masa daripada tarikh lahir yang sebenarnya. Oleh yang demikian komposisi umur (age composition) sesuatu penduduk adalah lebih rumit daripada komposisi seks (sex composition) kerana peringkat-peringkat umur sesuatu kumpulan penduduk boleh dikelasifikasikan dalam berbagai-bagai bentuk dan cara,

"There is usually comparatively little confusion regarding the definition, reporting and recording of an individual's sex, but problems can arise concerning the definition, reporting and recording of his age". (W.S. Thompson & D.T. Lewis; 1965:84).

Misalnya apabila kita hendak mengetahui umur seseorang itu, ada dua cara yang lazim digunakan. Pertamanya dengan bertanyakan seseorang itu, bilakah ia dilahir, iaitu tarikh penuh kelahirannya, dan yang kedua dengan bertanyakan berapakah umurnya sekarang. Cara soalan yang pertama adalah lebih tepat untuk digunakan, seperti mana yang digunakan dalam kajian penulis ini, tetapi timbul pula soalan samaada ia dapat digunakan tanpa banyak kerumitan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah apabila penulis mengemukakan soalan-soalan demikian, ramai daripada responden-responden tidak akan memberikan tarikh lahir anak-anak atau saudara-saudara mereka dengan tepat. Apabila ini berlaku mereka hanya memberikan umur seseorang itu dengan cara sewenang-wenangnya, manakala penulis tidak selalu dapat 'melihat' kad-kad pengenalan mereka, samaada kerana masa tidak 'mengizinkan' atau ketika benci dilakukan tidak ada ketua keluarga di rumah yang boleh menunjukkan kad-kad pengenalan ahli-ahli keluarga yang berkenaan.

Bagi kajian ini satu jadual piramid tentang penduduk-penduduk di Labuhan Dagang disediakan di halaman sebelah. Pembahagian-pembahagian kepada kumpulan umur dan seks sesuatu gulungan penduduk adalah penting dalam setiap analisa tentang ciri-ciri penduduk yang berkenaan kerana:

Jadual 4.2

Pyramid Penduduk Di Labuhan Daqand

Lelaki - Jumlah 184

Perempuan - Jumlah 163

"..... the age and sex composition of a society is both important biologically and socially".
(Thompson & Lewis, 1965:73).

Berdasarkan pada bentuk-bentuk piramid yang diperolehi, boleh dikatakan bahawa penduduk-penduduk di Labuhan Dagang adalah muda (young population). Rumusan ini adalah berdasarkan pada umur min (mean age) sebanyak 24 tahun bagi penduduk-penduduk kampung ini, dan juga seramai 42.7% daripada jumlah penduduk adalah kurang daripada 14 tahun (umur).

Selanjutnya rumusan bahawa penduduk di Labuhan Dagang ini adalah 'muda' juga didasarkan pada perbandingan-perbandingan dengan kajian-kajian lain yang berupa kajian-kajian demografik. Misalnya kajian A.G. Fix (1971:51) ke atas kumpulan orang Asli Semai-Senoi di Satak, Perak menganggap bahawa penduduk tersebut adalah muda berdasarkan umur min sebanyak 25 tahun dan seramai 37% daripada jumlah penduduk adalah kurang daripada 14 tahun. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh saudara Albert Gomes (1976:28) ke atas kumpulan orang Asli Jahai, Kelantan, di mana umur minnya adalah 22 tahun dan 39% daripada jumlah penduduk adalah kurang daripada 18 tahun; juga kajian Albert ke atas kumpulan orang Asli Temuan di Sungai Lui, Ulu Langat (April - Mei 1977) di mana umur minnya adalah sebanyak 20.1 dan 48.5% adalah kurang daripada 14 tahun; dan saudara Mohd. Nawi Latif yang membuat kajian ke atas penduduk-penduduk di Kampung Lubuk Kelubi, Ulu Langat (April - Mei 1977) yang mendapati umur min penduduk tersebut sebanyak 25 tahun dan 36.7% kurang daripada 14 tahun. Ini juga bermakna bahawa ketiga-tiga kumpulan penduduk di atas

ini adalah berada dalam golongan penduduk-penduduk muda.

Sementara itu pula, hanya sebanyak 19.9% sahaja daripada penduduk-penduduk dari kaum wanita yang telah melebihi peringkat post-reproductive (iaitu lebih dari umur 40 tahun) berbanding dengan 21% di kalangan penduduk Semai di Satak, Perak (Fix: hal. 51).

Rumusan-rumusan di atas adalah selaras dengan penilaian Petersen (1972:115) yang mengatakan bahawa:

".... a young population, then, is one that contains a large proportion of young persons and has a low average age, while an old population has a high average age and a large proportion of old people".

Kedua-dua Petersen (hal. 116) dan Thompson & Lewis (hal 90) mengatakan bahawa penduduk muda adalah satu ciri yang umum bagi negara-negara yang sedang membangun iaitu di Afrika, Asia, Amerika Latin dan Amerika Selatan. Fenomena ini sudah tentu akan menimbulkan masaalah pembangunan ekonomi bukan sahaja di Labuhan Dagang bahkan juga di negara-negara mundur, iaitu negara-negara ini berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menambahkan pengeluaran ekonomi tetapi di sebaliknya menghadapi masaalah di mana dependency ratio adalah tinggi.

Dependency ratio ini dikenali dengan istilah sedemikian kerana:

".... it measures the ratio of the population in ages too young or too old to work but consumers, just the same to the population of working age". (Judah Matras, 1973:51).

Cara untuk mendapatkan nisbah ini ialah mencampurkan jumlah bilangan orang yang berada kurang daripada 15 tahun dengan jumlah bilangan orang yang berada lebih daripada 60 tahun, dan kemudiannya dibahagikan pula dengan bilangan orang yang berada dalam kategori umur di antara 15 hingga 59 tahun. Angka yang diperolehi dikali dengan 100. Bagi penduduk-penduduk di Labuhan Dagang nisbah yang diperolehi ialah $\frac{174}{173} \times 100 = 100.57$.

Mengikut Ng Shui Meng nisbah 'dependency' di Tenggara Asia adalah selalunya di antara 85 bagi setiap 100, dan Malaysia pula (1970) adalah sebanyak 89/100 (lihat N.S. Meng, 1972:79). Ini bermakna bahawa nisbah dependency bagi Labuhan Dagang adalah sungguh tinggi berbanding dengan nisbah-nisbah purata bagi Tenggara Asia, dan begitu juga bagi Lubuk Kelubi, nisbah yang didapati ialah 73/100. Nisbah di Labuhan Dagang ini juga dapat dibandingkan dengan nisbah dependency yang terdapat di negara-negara maju, misalnya United Kingdom - 67/100, dan Federal Republic of Germany - 61/100, (lihat Thompson & Lewis, hal. 90). Ini bererti bahawa dependency ratio yang tinggi seperti yang terdapat di Labuhan Dagang 'boleh menyebabkan penanggungan yang berat terhadap mereka yang terdiri daripada gulungan yang non-productive.'

Cara yang lazim digunakan untuk menunjukkanimbangan antara seks di dalam sesuatu penduduk adalah dengan menggunakan nisbah seks (sex ratio). Ini adalah agak mudah dilakukan kerana hanya terdapat dua kategori saja yang boleh digolongkan, iaitu lelaki atau perempuan. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermakna bahawa pembahagian yang diperolehi adalah 100% tepat, kerana apabila penganalisaan tentang nisbah seks di-

takutan ke atas berbagai kategori umur sudah tentu terdapat sedikit sebanyak kesilapan, seperti mana yang telah disebutkan terlebih dahulu apabila membincangkan tentang struktur umur (rujuk hal. 34).

Nisbah seks didapati dengan membahagikan jumlah bilangan lelaki dengan jumlah bilangan wanita, dan kemudiannya angka yang diperolehi dikalikan dengan 100. Bagi penduduk Labuhan Dagang nisbah seksnya adalah 112.88. Ini bermakna bahawa nisbah seks di kawasan ini adalah sungguh tinggi, berbanding dengan 95 bagi kumpulan Jahai dan 103.85 bagi penduduk Lubuk Kalukit. (Nisbah seks 100 bermakna jumlah lelaki dan perempuan adalah sama, nisbah yang lebih dari 100 bermakna terdapat lebih lelaki daripada wanita, dan begitu juga sebaliknya). Mengikut Thompson & Lewis,

"Demographers consider that the usual sex ratios for national aggregates are between 95 and 100, and that any ratio outside this range calls for an explanation". (hal. 74).

Nisbah seks yang begitu tinggi di Labuhan Dagang adalah mungkin disebabkan oleh faktur-faktur seperti;

- (a) penghijrahan luar (out-migration) oleh kaum perempuan,
- (b) penghijrahan masuk (in-migration) oleh kaum lelaki,
- (c) kadar kelahiran yang tinggi bagi anak-anak lelaki,
- (d) kadar kematian yang tinggi bagi bayi-bayi perempuan,
- (e) ataupun kombinasi kesemua faktur-faktur ini.

Rajah yang lengkap mengenai nisbah seks dan juga nisbah bagi

tiap-tiap kategori umur diberikan sebelah. Nisbah seks bagi penduduk-penduduk yang kurang daripada 15 tahun (0 - 14) adalah sebanyak 127.6. Nisbah yang tinggi ini dalam peringkat bawah 15 tahun (iaitu bilangan lelaki melebihi bilangan perempuan dalam kategori umur antara 0 - 14 tahun) adalah perkara yang biasa bagi kebanyakan penduduk-penduduk (lihat J. Matras, hal. 145). Manakala nisbah seks di dalam kategori umur antara 15 - 29 adalah 72.1 ini mungkin disebabkan oleh penghijrah keluar oleh pemuda-pemuda yang samaada bersekolah di tempat-tempat lain ataupun berhijrah ke lain-lain tempat untuk mencari pekerjaan. Dan sebaliknya pula terdapat perempuan yang lebih dari lelaki mungkin kerana faktur penghijrah masuk apabila mereka menetap di Labuhan Dagang setelah berkahwin dengan pemuda-pemuda tempatan.

Pada keseluruhannya bentuk piramid yang terhasil bolehlah disifatkan sebagai bentuk yang normal, kecuali dalam kategori umur antara 30 - 34 tahun. Dalam kategori umur ini didapati ada seramai 15 orang lelaki dan hanya seramai 4 orang wanita sahaja. Perbezaan seks yang besar ini tidak dapat diterangkan dengan jelas kenapa perbezaan tersebut berlaku kerana sumpel-sumpel yang diperolehi dari set soal-selidik yang kedua (rujuk Bab I, hal. 5) tidak mencukupi untuk membuat analisa yang reliable, di mana hanya seramai 75 orang sahaja diperolehi. Walau bagaimanapun satu kemungkinan yang boleh menerangkan mengapa ujudnya perbezaan yang besar adalah berdasarkan faktur penghijrah oleh wanita-wanita yang berada di dalam kategori umur ini ke tempat-tempat lain, mungkin mengikuti suami-suami mereka setelah berkahwin (Perkara ini akan dibincangkan di bawah

JADUAL 4.3

Penduduk-Penduduk Labuhan Dagang:

Nisbah Seks dan Umur

Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Nisbah seks (Bilangan Lelaki bagi tiap-tiap 100 perempuan)
0 - 4	28	16	44	175
5 - 9	32	28	60	114.28
10 - 14	23	21	44	109.52
15 - 19	10	18	28	55.55
20 - 24	15	17	32	88.235
25 - 29	8	12	20	66.66
30 - 34	15	14	29	107.14
35 - 39	11	10	21	110.
40 - 44	6	7	13	85.71
45 - 49	6	6	12	100.
50 - 54	5	8	13	62.5
55 - 59	3	2	5	150.
60+	12	14	26	85.71
Jumlah	184	163	347	112.88

tajuk Penghijrahan)

4.3 Fertility

Barclay (1958:167) mentafsirkan fertiliti sebagai

"an actual level of performance in a population based on the numbers of live births that occur".

Ada berbagai cara bagi membuat pengukuran fertiliti sesuatu kumpulan penduduk. Untuk memudahkan kajian, perbandingan serta penyelarasan, tiga cara pengukuran adalah digunakan di sini seperti mana yang digunakan oleh saudara Albert Gomes. Tambahan pula jumlah penduduk yang dikaji adalah terlalu kecil untuk membenarkan penulis menggunakan cara-cara pengukuran yang lebih kompleks.

Cara yang pertama digunakan ialah dengan mendapatkan nisbah jumlah hilangan bagi penglahiran (maternity) oleh setiap wanita yang berumur lebih dari 40 tahun. (Umur 40 tahun ini digunakan sebagai had yang maksima bagi 'female reproduction'). Nisbah jumlah materniti bagi penduduk Labuhan Dagang adalah seramai 7.45 yang dilahirkan oleh setiap wanita yang masih hidup dan berumur lebih dari 40 tahun. Nisbah ini dapat digolongkan ke dalam peringkat fertiliti yang tinggi kerana nilai sebanyak 5.35 yang diperolehi oleh Fix daripada penduduk kawasan Satak digolongkan ke dalam kadar fertiliti yang tinggi. Berbanding dengan kadar yang diperolehi oleh saudara Albert Gomes ke atas kumpulan Jahai (4.16) dan saudara Mohd. Nawi ke atas penduduk Lubuk Kelubi (5.08), kedua-dua kadar fertiliti ini adalah rendah.

Satu lagi cara pengukuran yang digunakan untuk menilai peringkat fertiliti di Labuhan Dagang ialah dengan mencari nisbah child-woman. Cara mendapatkan nisbah ini ialah dengan membahagikan bilangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun bagi setiap 1000 wanita yang berada di dalam lingkungan umur antara 15 dan 44 tahun (iaitu peringkat umur yang boleh melahirkan anak). Bagi kawasan Labuhan Dagang nisbah yang diperolehi ialah 916.66. Berbanding dengan nisbah sebanyak 375 (nisbah bagi kumpulan Temuan di Sungai Lui) dan sebanyak 521 (Kampung Lubuk Kelubi), nisbah bagi Labuhan Dagang ini adalah lebih tinggi. Tetapi cara pengukuran ini menimbulkan satu kelemahan, iaitu oleh kerana iaanya tidak memasukkan bilangan kanak-kanak yang telah meninggal sebelum mereka mencapai umur 5 tahun, nisbah fertiliti yang terhasil tidaklah tepat.

Cara yang ketiga pula ialah dengan merujuk kepada bilangan reproduction bagi satu-satu kategori umur yang tertentu. Rajah tentang bilangan reproduction untuk kategori-kategori umur yang tertentu dilampirkan di halaman sebelah. Di dapati bahawa kedua-dua wanita yang tergolong dalam kategori umur antara 15 - 19 masih belum melahirkan seorang anak pun. Sebaliknya pula wanita-wanita yang berada dalam kategori umur antara 45 - 49 mempunyai bilangan purata anak seramai 9 orang bagi tiap-tiap seorang wanita, manakala di dalam kategori umur antara 30 - 34 bilangan purata anak bagi setiap orang wanita adalah seramai 4.5 orang.

Daripada keseluruhan rajah tersebut dapat dilihat bahawa terdapat upward trend yang progresif di dalam bilangan purata anak bagi setiap

BILANGAN KANAK-KANAK YANG DILAHIRKAN OLEH
 LIVING EVER MARRIED WOMEN

	Kategori Usia						
	15 - 19	20 - 24	25 - 29	30 - 34	35 - 39	40 - 44	45 - 49
Bilangan Wanita	2	8	10	4	9	7	6
Bilangan Kanak-Kanak	0	17	31	18	68	57	54
Bilangan purata anak setiap wanita	0	1.78	3.1	4.5	7.55	8.14	9

wanita, iaitu dari bilangan 0 (15 - 19) meningkat kepada 1.78, 3.1 dan seterusnya.

Pada umumnya dapatlah dirumuskan bahawa fertiliti keseluruhan penduduk-penduduk di Labuhan Dagang adalah tinggi. Penjelasan tentang faktur-faktur yang boleh memberi kesan ke atas kadar fertiliti di kawasan ini akan dibincangkan dalam huraian-huraian yang berikutnya.

4.4 Faktur-faktur yang Memberi Kesan Ke atas Fertiliti di Labuhan Dagang

Sebelum perkara ini dapat dibincangkan, terlebih dahulu harus diterangkan perbezaan yang ujud di antara istilah-istilah fertiliti dan fecundity. Seperti mana yang telah dihuraikan, istilah fertiliti pada umumnya dimaksudkan sebagai 'the actual reproductive performance of a woman'. Umpamanya dalam sekumpulan wanita yang telah tamat peringkat pengelahiran, 1,000 daripada mereka telah melahirkan seramai 2,900 orang anak, maka angka 2,900 ini akan dijadikan asas untuk mengukur peringkat fertiliti yang telah tamat tadi. Dalam lain perkataan ianya boleh dikemukakan bahawa purata anak bagi setiap wanita adalah seramai 2.9 orang anak (tetapi seorang wanita tetap dianggap sebagai fertile jika ia pernah melahirkan walaupun seorang anak sekalipun).

Di sebaliknya pula istilah fecundity menunjukkan

"the potential level of performance (or physical capacity for bearing children) of the population". (Barclay, hal. 73).

Oleh yang demikian suatu kajian fertiliti tidak menunjukkan kadar

fecundity, kerana tiadanya pengukuran yang tepat dapat dilakukan. Sungguhpun terdapat kemungkinan besar dari satu golongan wanita-wanita yang 'infertile' adalah juga termasuk wanita-wanita yang infecund, tetapi andaian ini tidak dapat ditentukan dengan cara yang positif, kerana data-data yang didapati dikaitkan kepada ketiadaan anak (childlessness) dan bukannya infecundity.

Faktur-faktur yang memberi kesan ke atas fertiliti boleh dibahagikan kepada sekurang-kurangnya tiga jenis:-

- (i) Faktur-faktur biologikal seperti keadaan kesihatan secara umum, penyakit-penyakit, diet, dan kemandulan.
- (ii) Faktur-faktur sosial secara tidak langsung (indirect social factors). Faktur-faktur ini melibatkan adat-istiadat seperti umur ketika kahwin, kekerapan perpisahan (separation) atau penceraian, janda (widowhood) dan perkahwinan semula si janda, poligami, spost-partum sexual abstinence, pantangan perhubungan seks semasa atau sesuatu musim atau istiadat membujang (celibacy) sementara atau tetap oleh setengah ahli-ahli dalam sesuatu kumpulan penduduk.
- (iii) Faktur-faktur sosial secara langsung (direct social

factors) yang memberi kesan ke atas fertiliti seperti 'voluntary sexual abstinence', langkah-langkah contraceptive, dan pengguguran.

4.41 Faktor-faktur Biologikal

(a) Keduduan Kesihatan Secara Umum

Walaupun tiada kajian dapat dijalankan untuk menentukan keduduan kesihatan umum yang ujud di Labuhan Dagang, bolehlah dikatakan bahawa pada keseluruhan keadaan kesihatan di kawasan ini adalah memuaskan. Kenyataan ini dapat didasarkan pada data-data yang diperolehi daripada responden-responden tentang penyakit yang dihadapi dan juga di sepanjang jangka-masa kajian dilakukan bahawa tiada terdapat sebarang jenis penyakit seperti malaria, denggi, taun dan sebagainya yang boleh memberi kesan ke atas kadar fertiliti di kawasan tersebut. Ini adalah tidak menghairankan kerana terdapatnya kesudahan-kemudahan kesihatan yang berdekatan. Malahan mengikut saudara Nasarudin, air sungai yang berdekatan beberapa tahun dahulu, walaupun air sungai ketika itu adalah bersih, tidak digunakan untuk diminum. Di sebaliknya penduduk di situ menggunakan air perigi yang kemudiannya dimasak terlebih dahulu. Ini mengurangkan lagi kemungkinan diserang penyakit. (Sila rujuk pada Latihan Ilmiah Nasarudin).

Oleh yang demikian keadaan kesihatan sedemikian pada umumnya membolehkan peningkatan kadar fertiliti,

" partly by permitting more people to survive to the reproductive ages and partly by reducing diseases and physical disabilities that cause sterility". (Ford & De Jong, 1970:400).

(b) Diet

Seperti mana yang terdapat dalam masyarakat Melayu di negara ini, jenis makanan adalah pada lazimnya tidak banyak berbeza, iaitu beras adalah punca zat kanji (carbohydrate) yang paling penting sekali, dan ikan pula punca protein yang utama. Di sini juga penulis tidak dapat menentukan secara pasti samaada makanan yang dimambil oleh penduduk di sini adalah seimbang atau tidak (balanced diet) kerana tiada kajian yang teliti dapat dijalankan dalam bidang ini.³

Oleh yang demikian sekali lagi penulis hanya dapat membuat andaian yang ringkas bagi menerangkan bahagian ini. Walau bagaimanapun tidak keterlaluan untuk mengandaikan bahawa diet di sini adalah agak seimbang. Ini didasarkan bahawa pada keseluruhannya penduduk-penduduk di sini dapat

³ Walaupun saudari Zuraida ada membuat kajian yang bersangkutan dengan perkara ini, tetapi beliau hanya menggunakan dua keluarga sebagai sampel, itupun beliau tidak dapat menentukan samaada kedua-dua sampel keluarga ini menerima jumlah makanan yang seimbang atau tidak.

menghasilkan sebahagian besar daripada jumlah makanan yang mereka perlukan. Misalnya daripada kajian yang dijalankan oleh saudari Zuraida dan saudara Nasarudin, ramai daripada penduduk-penduduk di sini yang memelihara ayam dan itik sekurang-kurangnya, dan ada juga beberapa keluarga yang memelihara binatang lembu dan kambing⁴. Di samping itu terdapat juga tanaman-tanaman sayuran seperti pucuk ubi dan ubi kayu, keladi, keledik dan lain-lain.

Dengan ini kita dapat mengatakan bahawa diet yang seimbang di sini tidak memberi kesan yang negatif ke atas kadar fertiliti, tidak seperti di kalangan wanita-wanita Jahai di Kelantan, di mana ikatan-ikatan pantang-larang yang ketat ke atas beberapa jenis makanan oleh wanita-wanita yang sedang dan sesudah mengandung menyebabkan mereka terganggu.

(c) Kemandulan

Mengikut data yang diperolehi, tidak terdapat seorang pun wanita yang telah menamatkan peringkat reproduction

4

Pemeliharaan binatang-binatang ternakan ini bukanlah untuk dijual, tetapi adalah sebagai bahan makanan, termasuklah telur-telur ayam dan itik.

(lebih daripada 45 tahun) adalah mandul⁵. Tetapi maklumat tentang kemandulan bagi pihak lelaki tidak dapat diperolehi kerana perkara ini adalah sensitif untuk dibincangkan dengan responden. Maka oleh kerana tiada data-data yang sepenuhnya dapat diperolehi dan juga sebarang andaian tentang perkara ini adalah sukar untuk ditentukan, maka setakat mana ianya mempengaruhi kadar fertiliti juga tidak dapat ditentukan.

4.42 Faktur-faktur Sosial Secara Tidak Langsung

(a) Umur Ketika Berkahwin

Ahli-ahli demografi sosial pada umumnya berpendapat bahawa terdapat pertalian yang positif di antara perkahwinan semasa umur yang rendah dengan kadar fertiliti yang tinggi (lihat E.D. Driver, 1972:72). Walaupun bagaimanapun kenyataan ini tidak boleh digunakan ke atas masyarakat-masyarakat yang mengamalkan perkahwinan semasa umur sudah meningkat tetapi mengamalkan perhubungan seks dan seterusnya menghasilkan anak-anak sebelum sesuatu perkahwinan itu dijalankan.

5

Tidak semestinya kenyataan ini adalah seratus peratus tepat, kerana ada kemungkinan besar bahawa wanita yang mandul telah memelihara anak-anak angkat, tetapi menyatakan anak-anak angkat ini sebagai anak mereka sendiri.

Adalah didapati bahawa di kalangan masyarakat tani di India kadar fertilitinya adalah tinggi yang mana mungkin kerana mereka berkahwin ketika umur masih rendah lagi, iaitu pada puratanya wanita berkahwin di antara umur 13 - 15 tahun, dan lelaki pula dalam lingkungan umur 20 tahun. Daripada data-data yang diperolehi, sebilangan besar daripada pasangan suami isteri yang telah tamat peringkat reproduction mereka, berkahwin semasa umur masih dalam belasan tahun. Hakikat ini dapat dilihat dengan merujuk pada Jadual 4.5 di halaman sebelah. Adalah jelas daripada jadual ini bahawa sebilangan besar daripada pasangan suami isteri telah berkahwin semasa umur mereka masih muda lagi. Kenyataan ini lebih tepat bagi kaum wanita, di mana daripada jumlah 42 orang wanita, seramai 16 orang berkahwin di antara umur 10 - 15 tahun, dan 16 orang juga yang berkahwin semasa umur mereka adalah di antara 16 - 20 tahun. Perkahwinan umur yang muda ini adalah menjadi satu kealaziman di kalangan masyarakat tani seperti yang terdapat di kampung ini. Keadaan ini mungkin memberi kesan yang positif ke atas kadar fertiliti yang tinggi yang didapati terdahulu dari ini, iaitu sebanyak 7.45 bagi setiap wanita yang berumur lebih dari 40 tahun.

JADUAL 4.5
PERINGKAT-PERINGKAT UMUR PERKAHWINAN⁶

Kategori Umur	Lelaki	Perempuan
10 - 15	-	16
16 - 20	9	16
21 - 25	19	8
26 - 30	6	1
31 - 35	4	1
36 - 40	1	-
40 +	3	-
Jumlah	42	42

(b) Poligami

Poligami adalah sesuatu amalan di mana seseorang individu mempunyai dua atau lebih pasangan suami atau isteri dan dalam masyarakat yang dikaji ini, oleh kerana kesemuanya adalah berugama Islam maka apa yang berlaku ialah seseorang suami yang mempunyai lebih dari seorang

⁶ Jadual ini dibentuk dari set soal-selidik yang kedua. Walaupun hanya 75 responden sahaja yang diperolehi, tetapi jumlah 82 daripada jadual di atas adalah termasuk suami atau isteri responden yang tidak di-temurahkan.

isteri, dan tiada terdapat seorang isteri pun yang mempunyai lebih dari seorang suami dalam satu-satu masa yang tertentu. Terdapat kontroversi di kalangan ahli-ahli demografi tentang samaada poligami (poligeni) mengurangkan atau menambahkan lagi kadar fertiliti seseorang wanita. Walau begaimanapun penulis mendapati bahawa hanya dua orang suami sahaja yang mempunyai lebih dari seorang isteri, oleh itu ianya tidak dapat digunakan sebagai asas penganalisaan yang efektif tentang kesannya ke atas kadar fertiliti. Ini adalah kerana kemungkinan ianya dapat memberikan kesan yang besar kepada kadar fertiliti adalah jauh sekali.

(c) Pantangan Perihubungan Seks Selepas 'Bersalin' (Post-partum Sexual Abstinence)

Hengikut Albert Gomes yang mengambil petikan dari Nag, mengatakan bahawa masa yang lama di dalam pantangan perhubungan seks selepas bersalin (iaitu lebih dari setahun) boleh dikaitkan kepada kadar fertiliti yang rendah. Oleh kerana soalan-soalan dalam hal ini adalah dianggap sebagai terlalu 'personal' untuk dikemukakan kepada para-responden, maka penulis hanya dapat membuat huraian yang umum berdasarkan kepada pantangan-pantangan di kalangan masyarakat Islam atau Melayu. Biasanya pantangan yang lazim diamalkan

ialah semasa waktu berpuasa di bulan puasa dan juga 44 hari selepas bersalin, ataupun semasa datang haid. Jadi oleh kerana tiadanya maklumat-maklumat yang direct daripada para responden dan juga ketiga-tiga kategori pantangan yang disebutkan di atas tadi adalah kurang daripada setahun, maka faktur ini tidak dapat dikaitkan dengan kadar fertiliti di kawasan yang dikaji.

(d) Kekerapan Perhubungan Seks

Di sini juga ujud 'kepercayaan' umum di kalangan ahli-ahli demografi bahawa korelasi yang rapat di antara kekerapan perhubungan seks yang rendah dengan kadar fertiliti yang rendah. Tetapi masaalah yang sama juga ujud di sini untuk mendapatkan maklumat-maklumat daripada para-responden, walaupun dengan menggunakan cara perbualan yang berupa indirect. Keadaan ini adalah berbeza sekali dengan kajian yang dilakukan oleh saudara Albert kerana beliau dapat menguruskan temuramah-temuramahnya secara perbualan-perbualan yang indirect tanpa banyak kerumitan.

(e) Kajandaan (Widowhood)

Terdapat tiga angkubah-angkubah yang boleh mempengaruhi kadar fertiliti:-

- (1) Kekerapan berkahwin semula,

(ii) Jangkawaktu umur (age (interval)

di antara kematian si suami dan
perkahwinan semula,

(iii) Kemungkinan wanita-wanita menjadi
janda pada umur yang berbeza-beza
(different ages).

Di kalangan masyarakat Labuhan Dagang, tiada terdapat sebarang adat-adat sosial yang memaksa atau melarang perkahwinan semula si janda, seperti mana yang pernah terdapat di kalangan masyarakat India satu masa dulu. Oleh yang demikian faktur ini, dan juga bilangan yang terlibat adalah terlalu sedikit, ianya tidak memainkan peranan yang besar di dalam memberi kesan ke atas kadar fertiliti.

(f) Pembujangan (Celibacy)

Di dalam masyarakat Melayu umumnya adalah menjadi satu perkara yang janggal bagi seseorang itu untuk terus membujang kecuali jika seseorang itu cacat anggota ataupun menghadapi penyakit otak. Walau bagaimanapun bilangan yang terlibat adalah terlalu kecil untuk memberi sebarang kesan yang significant. Dalam bincian yang dilakukan oleh penulis hanya terdapat seramai lima orang sahaja yang

masih belum berkahwin, di mana hanya seorang sahaja daripadanya adalah seorang wanita. Kelima-lima mereka ini berumur lebih dari 35 tahun.

4.43 Faktur-faktur Sosial Secara Langsung

Dua faktur-faktur sosial yang memberi kesan secara langsung adalah cara-cara mencegah penghamilan (contraception) dan pengguguran.

(a) Cara-cara Mencegah Penghamilan/Perancangan Keluarga

Terlebih dahulu harus diterangkan bahawa amalan cara-cara yang berkaitan dengan ini adalah bukannya sebab (cause) jatuhnya kadar penglahiran, tetapi ianya adalah cara-cara (means) yang pada umumnya lazim digunakan oleh mereka-mereka yang ingin mengekalkan saiz keluarga mereka kepada sesuatu had yang diingini.

Pencegahan penghamilan seseorang ibu atau wanita secara tradisional, atau yang dikenali sebagai 'ubat penjarang'⁷, walaupun (dari keterangan-keterangan beberapa responden) pernah diamalkan beberapa ketika dahulu, tetapi ianya tidak lagi diamalkan.

7

Penggunaan istilah 'ubat penjarang' ini ialah cara-cara yang diamalkan oleh penduduk-penduduk di sini satu masa dulu sebagai langkah untuk menjarangkan penghamilan bagi seseorang wanita.

Oleh itu cara perancangan keluarga yang 'moden' adalah merupakan cara yang paling popular digunakan oleh penduduk-penduduk di sini untuk mengurangkan kadar fertiliti mereka. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa penggunaannya adalah diikuti oleh sebilangan besar penduduk tersebut, kerana sungguhpun publisiti yang meluas banyak dilakukan oleh pihak kerajaan supaya mereka mengamalkan perancangan keluarga, daripada perbualan-perbualan yang dijalankan oleh penulis, masih ramai di kalangan penduduk di situ yang masih 'enggan' mengamalkannya. Ini lebih jelas lagi di kalangan 'orang-orang tua' dan juga di kalangan mereka yang kuat dengan amalan-amalan ugama. Ini juga dapat menerangkan mengapa ujudnya kadar fertiliti yang tinggi di kampung ini. Di sebaliknya alasan-alasan keugamaan yang mereka berikan (iaitu mereka yang menentang perancangan keluarga) mungkin juga keadaan hidup ekonomi yang boleh disifatkan sebagai memuaskan tidak mendatangkan sebagai tekanan hidup kepada mereka untuk mereka mengikuti amalan perancangan keluarga. Amalan keluarga di kawasan ini kebanyakannya tergolong di kalangan pasangan 'muda' sahaja, dan dalam hal ini klinik bidan yang terdapat di kawasan ini adalah 'berguna' kepada mereka ini.

(b) Pengguguran

Mengikut Thompson & Lewis (1965:311), "abortion has

always been and still is a significant factor in determining the birth rate". Tetapi kenyataan ini adalah sukar untuk digunakan ke atas penduduk-penduduk di Labuhan Dagang sungguhpun data-data yang tepat tidak dapat diperolehi mengenai kadar atau jumlah pengguguran yang berlaku dalam sesuatu masa yang tertentu. Walaupun bagaimanapun, berdasarkan pada adat Melayu umumnya dan hukum-hukum Islam khususnya, amalan-amalan pengguguran anak tidak digalakkan, oleh itu faktur pengguguran ini tidak penting untuk memberi kesan ke atas kadar fertiliti. Kalau adapun amalan seperti ini dijalankan, iaanya adalah kerana keselamatan si ibu mungkin terancam.

4.5 Rumusan Ke atas Faktur Fertiliti

Pada keseluruhannya, tiga faktur yang paling berkesan mempengaruhi kadar fertiliti di sini adalah perancangan keluarga, perkahwinan umur yang rendah dan voluntary abstinence. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa faktur-faktur ini melibatkan sebahagian besar dari jumlah penduduk-penduduk yang terlibat. Kadar fertiliti yang tinggi di kawasan ini boleh dikaitkan dengan tiga alasan yang paling penting berdasarkan pada ⁹andian penulis dan juga dari maklumat-maklumat yang diperolehi daripada para-respondent:-

- (a) Pegangan yang teguh terhadap ajaran agama, iaitu merancang keluarga adalah seolah-olah 'membunuh' anak, sebaliknya menerima sebanyak mana yang di-

perolehi dengan penuh kesyukuran di samping menjadi galakan untuk berusaha mencari nafkah hidup dengan lebih tekun lagi,

- (b) Tiadanya desakan-desakan hidup yang boleh disifatkan sebagai rumit,
- (c) Di samping dapat bermesra dengan anak-anak yang ramai, anak-anak itu juga boleh digunakan untuk menolong pekerjaan-pekerjaan pertanian.

4.6 Mortaliti

Dalam mana-mana kajian demografi, perbincangan ke atas faktur mortaliti adalah tidak dapat dielakkan kerana ia hanya menghasilkan berbagai tujuan. Mengikut J. Matras (1973:231),

"Today, the study of mortality and its relationship to population size, composition, and change retains a central position in population research".

Kajian mortaliti juga dapat menjelaskan kepada kita tentang keadaan kesihatan secara umum bagi satu-satu kawasan penduduk yang dikaji, dan seterusnya akan menolong kita untuk membuat ramalan bagi pertumbuhan penduduk tersebut.

Berbanding dengan fertiliti, penganalisaan mortaliti adalah lebih sukar untuk dijalankan kerana data-data yang diperlukan adalah rumit untuk diperolehi. Dalam hal ini Brass mengatakan (1975:50):

"In many cases, death registration is less complete than birth registration. Hence, larger problems are encountered in developing estimates of mortality than of fertility".

Di antara data-data yang diperlukan sebagai asas kajian mortaliti ialah catatan-catatan kematian bagi satu-satu penduduk yang tertentu dalam satu jangka masa yang ditetapkan, sebab-sebab kematian, dan kemudian dikaitkan pula dengan keadaan kesihatan yang umum penduduk yang terlibat tadi. Seperti mana yang telah disebutkan dalam Bab I, penulis telah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data-data mengenai perihal kematian dan juga sebab-sebab kematian.

Di samping itu, data-data mengenai mortaliti adalah lebih sesuai jika digunakan set soal-selidik yang kedua, dimana penulis hanya menjalankan temuramah ke atas 75 orang responden sahaja, walhal analisa ke atas perkara mortaliti seharusnya meliputi seluruh rumah tangga (household) yang ada dalam kawasan yang dikaji. Keadaan ini adalah berbeza daripada kajian yang dilakukan oleh saudara Albert ke atas kumpulan orang Asli Jahai, kerana jumlah penduduk yang terlibat adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan bilangan penduduk di Labuhan Dagang. Di samping itu pula penulis telah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat mengenai kematian. Selalunya para-responden tidak dapat memberikan maklumat yang tepat mengenai tarikh dan sebab kematian seseorang itu. Maka dalam hal ini perkara kesahan tentang analisa sudah tentu tidak dapat dielakkan.

4.7 Kadar Kematian

Dengan timbulnya masaalah-masaalah di atas dan juga kesahan analisa adalah diragukan, maka cara-cara yang lazim digunakan untuk mendapatkan kadar kematian seperti crude death rate dan age-specific rate, tidak dapat digunakan. Sebaliknya penulis hanya dapat menggunakan kaedah Brass (1970:140). Penggunaan kaedah ini ialah untuk mendapatkan kadar kematian (Proportion Dead) anak-anak dalam setiap kategori umur ibu yang berlainan.

Berbanding dengan kadar kematian yang diperolehi oleh Brass dengan berdasarkan pada banci penduduk Brazil dalam tahun 1950, pada keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa kadar kematian di Labuhan Dagang adalah lebih rendah daripada kadar kematian yang diperolehi oleh Brass tadi. Manakala kadar kematian yang didapati oleh saudara Mohd. Nawi ke atas penduduk di Lubuk Kelubi adalah tidak banyak berbeza dengan kadar kematian di Labuhan Dagang. Walaupun kadar kematian yang diperolehi oleh penulis ini tidak dapat menunjukkan samaada kadar tersebut adalah tinggi atau rendah pada umumnya, dan oleh itu perkara ini ^{tidak} dapat diuraikan secara yang lebih objektif, tetapi boleh diandaikan bahawa kadar kematian pada keseluruhannya bagi Labuhan Dagang adalah rendah. Andaisen ini di dasarkan kepada beberapa faktur, iaitu:-

- (i) Keadaan kesihatan yang umum di kampung ini adalah baik,
- (ii) Tiadanya sebarang wabak penyakit yang terdapat secara besar-besaran,
- (iii) Perkhidmatan kesihatan yang terdapat di sini adalah

JADUAL 4.6

KADAR KEMATIAN ANAK-ANAK DALAM
SETIAP KATEGORI UMUR IBU YANG BERLAINAN

Kategori umur bagi ibu	Jumlah ibu	Anak-anak yang lahir hidup	Anak-anak yang masih hidup	Anak-anak yang lahir bagi setiap ibu (X)	Anak-anak yang masih hidup bagi setiap ibu (Y)	kadar kesatian $\frac{I - y}{x}$
15 - 19	2	-	-	-	-	-
20 - 24	8	17	17	2.125	2.125	0
25 - 29	10	31	27	3.1	2.7	0.129
30 - 34	4	18	17	4.5	4.25	0.055
35 - 39	9	68	60	7.555	6.666	0.117
40 - 44	7	57	53	8.142	7.571	0.070
45 - 49	6	54	42	9.0	7.0	0.222

memuaskan, dan

- (iv) Seperti yang telah disebutkan terlebih awal dari ini, faktur diet di kampung ini adalah seimbang.

4.8 Penghijrahan

Penghijrahan adalah merupakan salah satu bahagian yang penting dalam mana-mana kajian demografi sosial, kerana iaanya dapat menolong menentukan kadar pertumbuhan dan perubahan dalam struktur umur dan seks penduduk yang dikaji. Kadar pertumbuhan penduduk diukur bukan sahaja daripada kadar kelahiran secara natural, bahkan juga daripada faktur penghijrahan, samaada penghijrahan masuk (in-migration) atau pengijrahan keluar (out-migration).

Mengikut beberapa penghuni 'tua' atau gulungan peneroka-peneroka di kampung Labuhan Dagang, kampung ini mula-mula dibuka kira-kira dalam tahun 1928 dan penghuni-penghuni yang 'asal' adalah terdiri dari orang-orang Bugis, dan kemudiannya diikuti pula dengan pendatang-pendatang dari Pulau Jawa khususnya dan dari kawasan yang berhampiran pada suanya. Adalah didapati daripada data-data bahawa pendatang-pendatang dari Java (inter-migration) dan mereka-mereka yang datang dan seterusnya menetap di Labuhan Dagang dari kawasan-kawasan yang berhampiran merupakan 74.1% daripada jumlah penduduk di Labuhan Dagang sebelum Perang Dunia Kedua (lihat Jadual 4.7). Kebanyakkan dari mereka yang berpindah ke Labuhan Dagang datang dari kawasan-kawasan yang berhampiran seperti Kancheng Darat, Bunting dan Sejangkang (lihat Peta 3).

JADUAL 4.7

TEMPAT LAHIR

Tempat Kelahiran	Perempuan	Lelaki	Jumlah	%
Java	16	14	30	40.8
Labuhan Dagang	II	6	17	26.9
Lain-lain Tempat	12	10	22	33.5


Nota: Jadual ini diperolehi dengan mengira tarikh lahir penduduk-penduduk yang telah lahir sebelum Perang Dunia Kedua, kerana selepas masa ini penghijrahan masuk, terutamanya dari pulau Java telah terhenti sedikit sebanyak.

Aliran penghijrahan dari pulau Java ini, seperti mana dengan lain-lain penghijrahan di serata dunia, selalunya dipengaruhi dengan satu motif popok, iaitu motif ekonomi,

"The economic motive has probably been dominant at all times, although not of equal importance in all particular movements". (Thompson & Lewis, 1965:479).

Hakikat ini dapat dikaitkan dengan kumpulan penghijrah dari pulau Java. Pada umumnya keadaan hidup di sana (pulau Java) adalah agak terhimpit, dan kesan-kesan daripada economic depressions pada awal tahun-tahun 1920'an dan 1930'an masih lagi menyekat peningkatan kehidupan mereka. Dalam keadaan demikian, perkenaan di sekitar Tanah Melayu telah banyak membuka peluang-peluang pekerjaan kepada kumpulan-kumpulan pendatang.

PETA 3
KEDUDUKAN LABUHAN DAGANG



Perkembangan bidang perindustrian, terutamanya industri-industri perlombongan dan getah telah menyebabkan tenaga buruh diperlukan dengan banyaknya. Hasil dari perkembangan yang pesat ini telah menyebabkan pihak British dan juga Belanda untuk menggalakkan penghijrahan secara besar-besaran dari pulau Java.

Penghijrahan penduduk-penduduk Jawa dari satu kawasan yang padat penduduknya dan peluang ekonomi yang rendah ke kawasan yang rendah densiti penduduknya dan peluang ekonomi yang tinggi, telah diperkuatkan lagi dengan ujudnya faktur ilmu alam dan kebudayaan yang agak sama dengan keadaan yang ada di Java. Kedua-dua faktur tarikan dan tolakan ini (pull and push factors) telah menghasilkan penghijrahan masuk yang bukan sahaja terdiri dari buruh-buruh kasar yang bekerja di lembong-lembong bijih timah dan ladang-ladang getah, bahkan juga di kalangan petani-petani.

Walau bagaimanapun penghijrahan yang berlaku sebelum Perang Dunia Kedua telah terhenti sekarang ini. Begitu juga dengan penghijrahan masuk dan penghijrahan keluar di kalangan penduduk-penduduk tempatan tidak banyak berlaku di kampung ini, kecuali sedikit sebanyak di kalangan pemuda-pemudi yang samaada mendirikan rumah tangga dan juga di kalangan pemuda-pemuda yang menyertai rancangan tanah belia yang diusahakan oleh kerajaan. Apa yang berlaku di sini ialah penghijrahan masuk ke kampung ini adalah terdiri daripada golongan wanita yang mendirikan rumah tangga dengan pemuda-pemuda tempatan, manakala penghijrahan keluar pula banyak berlaku di kalangan pihak lelaki yang menetap di tempat-tempat lain. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas sila rujuk

pada Jadual 4.8 di bawah, dan penghuraianya yang berikut.

JADUAL 4.8

PENGHIJRAHAN KELUAR PENDUDUK-PENDUDUK LABUHAN DAGANG

Kategori Umur	Lelaki	%	Perempuan	%
II - 15	2	18.18	-	-
16 - 20	1	9.09	2	16.66
21 - 25	6	54.54	2	16.66
26 - 30	1	9.09	5	33.33
31 - 35	1	9.09	3	25.00
36 - 40	-	-	1	8.33
Jumlah	II		12	

Nota: Jadual ini diperolehi berdasarkan pada set soal-selidik yang kedua, di mana anak-anak daripada 76 responden telah diambil sebagai asas penganalisaan.

Daripada jumlah II orang lelaki yang berhijrah keluar, seramai 10 berhijrah dengan sebab-sebab pekerjaan atau persekolahan, dan seorang lagi adalah kerana berpindah ke tempat isteri selepas berkahwin. Manakala daripada jumlah 12 orang wanita yang berhijrah, seramai II orang telah berpindah keluar kerana mengikuti suami-suami mereka setelah berkahwin.

Pada keseluruhannya peroses penghijrahan, baik masuk atau keluar, tidak banyak berlaku sekarang ini. Keadaan ini ujud walaupun fenomena rural to urban migration adalah merupakan satu perkembangan yang berjalan dengan pesatnya di sekitar Tanah Air. Di samping itu pula,

walaupun pusat-pusat perindustrian seperti Petaling Jaya, Syah Alam dan juga Kuala Lumpur terletak tidak jauh dari Labuhan Dagang, namun tidak banyak pemuda-pemudi yang berhijrah ke tempat-tempat tadi.

Ini semua adalah mungkin kerana faktur tolakan tidak banyak ujud di kampung ini, terutamanya kerana kedudukan ekonomi ataupun keadaan hidup mereka berada dalam keadaan yang 'memuaskan', seperti mana yang telah dibincangkan dalam Bab II. Masaalah untuk menampung bilangan ahli-ahli keluarga yang sentiasa bertambah, hingga sekarang ini masih dapat di atasi dengan mendirikan rumah di tanah-tanah yang masih lapang di Labuhan Dagang itu sendiri, dan juga dengan adanya rancangan-rancangan pembukaan tanah baru oleh pihak kerajaan di sekitar kampung tersebut.

Di bawah buku *Malaya and Java in National Development* yang dikeluarkan pada tahun 1967, menyatakan punca masalah ekonomi dalam kampung merupakan akibat maklumat tentang teknologi yang diberikan oleh Pengajar-Pengajar Kursus Latihan yang diadakan di Sekolah Latihan awam di Labuhan Dagang, Selangor. Berdasarkan 10 buah negara yang diteliti, didapati bahawa maklumat mengenai teknologi yang tinggi di kalangan masyarakat-penduduk dulu. Kewalahan budi pekerti mengikut halaman buku *Persekitaran* yang pada hari itu kalangan masyarakat teknologi telah dikemasukan oleh maklumat mengenai teknologi yang diberikan oleh Albert Sama Sulaiman kepada Ahli dan Pialang Koperasi yang dimiliki.

Maklumat mengenai teknologi yang diberikan oleh Albert Sama Sulaiman itu termasuk maklumat yang berkaitan dengan teknologi teknologi pertanian, teknologi pertambangan yang melibatkan teknologi teknologi pertanian, teknologi pertambangan yang melibatkan pentadbiran,

BAB V

PENUTUP

Dalam bab ini penulis akan membincangkan beberapa perkara yang timbul hasil dari kajian yang dijalankan, disamping memberikan beberapa saranan yang berkaitan dengan kajian ini.

Adalah didapati bahawa kadar fertiliti seperti yang terdapat di kawasan kajian adalah tinggi. Kadar fertiliti yang tinggi ini adalah selaras dengan pendapat-pendapat yang mengutarakan bahawa kadar fertiliti di kawasan desa (rural) adalah tinggi berbanding dengan penduduk-penduduk di kawasan bandar (urban) dan juga di kalangan masyarakat orang asli (primitif). Kenyataan yang mengatakan bahawa kadar fertiliti penduduk desa adalah lebih tinggi berbanding dengan penduduk bandar, secara amnya boleh dibuktikan dengan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu keatas beberapa negara di Asia dan Latian Amerika (lihat J. Matras, 1973 : 316). Daripada 19 buah negara yang dikaji, didapati bahawa kesemuanya menunjukkan kadar fertiliti yang tinggi di kalangan penduduk-penduduk desa. Manakala bukti untuk menunjukkan bahawa kadar fertiliti yang rendah di kalangan masyarakat primitif boleh didasarkan pada kajian-kajian yang dijalankan oleh Albert Gomes keatas kumpulan Jahai dan Fix keatas kumpulan orang Semai.

Kenyataan tentang kadar-kadar fertiliti yang berbeza-beza di kalangan bentuk masyarakat yang berlainan dapat dikaitkan kepada beberapa perkara tertentu. Walaupun perkara-perkara yang disebutkan nanti adalah

bergantung kepada beberapa angkubah yang tertentu, seperti angkubah-angkubah ugama, budaya, politik dan sosial; namun penulis akan hanya membuat huraian secara am.

Sebagai masyarakat petani, adalah menjadi kebiasaan bagi mereka untuk mempunyai jumlah anak-anak yang ramai. Alasan yang mendorong mereka berbuat demikian berdasarkan kepada rasional bahawa jenis pekerjaan yang mereka lakukan memerlukan bilangan tenaga pekerja yang ramai dan juga sebagai security di masa hadapan. Mereka juga didorong oleh nilai-nilai ugama, yakni menerima seramai mana anak-anak yang dilahirkan sebagai 'pemberian Tuhan'. Ikatan kekeluargaan yang rapat diantara ahli-ahli keluarga juga menggalakkan mereka mempunyai bilangan yang ramai. Begitu juga amalan perkahwinan semasa umur rendah sebagai satu faktor sosial secara tidak langsung (*indirect social factor*) juga memberikan kesan yang positif terhadap kadar fertiliti yang tinggi di kampung ini.

Di kalangan penduduk-penduduk bandar pula tendensinya ialah kadar fertiliti yang rendah. Penulis tidak dapat menjelaskan secara pasti mengapa keadaan sedemikian ujud, kecuali dengan membuat andaian bahawa mereka lebih 'terpengaruh' dengan dakyah perancangan keluarga yang lebih berkesan di kalangan penduduk-penduduk bandar, terutamanya bagi mereka yang disifatkan sebagai golongan kelas atasan, ".... family planning readily adopted by adopted by privileged classes." (*Journal of Socio-Economic Planning Sciences*, Vol. II, No. I, 1977 : 6). Berhubungan dengan perkara ini, perubahan nilai-nilai sosial adalah lebih berleluasa di kalangan masyarakat bandar, maka amalan perancangan keluarga tidak banyak dikongkong oleh nilai-nilai ugama. Sementara itu pula bagi masyarakat primitif tendensi-

nya juga adalah ke arah kadar fertiliti yang rendah, kerana pola-pola kehidupan mereka tidak menggalakkan mereka untuk mempunyai bilangan anak yang ramai, "Unlike peasants, Jahai negritos do not need larger families for more labour or security." (Albert Gomes, 1976 : 62). Dan di kalangan mereka juga langkah-langkah merancang keluarga secara tradisional diamalkan oleh mereka. Dalam hal ini dapatlah dirumuskan bahawa faktor-faktor utama yang mendorong penduduk-penduduk di Labuhan Dagang untuk menghasilkan kadar fertiliti yang tinggi adalah jenis kegiatan ekonomi, keadaan ekonomi yang tidak mendesak, dan nilai-nilai sosial dan ugama.

Kadar fertiliti yang tinggi ini juga dapat dihubungkan pula dengan bentuk piramid bagi Labuhan Dagang, dimana ianya dapat disifatkan sebagai satu kumpulan penduduk yang muda atau young/growing population. Keadaan ini adalah agak berbeza dari apa yang berlaku di Kampung Lubuk Kelubi, dimana bentuk piramid yang diperolehi tidaklah begitu dinamik jika dibandingkan dengan bentuk piramid bagi Labuhan Dagang. Keadaan seperti ini adalah selaras dengan kadar fertiliti yang rendah bagi penduduk Lubuk Kelubi, iaitu sebanyak 5.08 dengan kadar fertiliti sebanyak 7.45 bagi Kampung Labuhan Dagang.

Bagi faktor penghijrah pula, keadaan yang ujud dewasa ini bolehlah dianggarkan sebagai dalam keadaan yang stabil, iaitu kedua-dua bentuk penghijrahan masuk dan keluar tidak banyak berlaku di kampung ini. Keadaan sedemikian bolehlah dikatakan sebagai satu keadaan yang menggalakkan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah bahawa dalam jangka masa yang panjang sekiranya keadaan stabil yang ujud ini dapat dikekalkan, ianya tidak akan mendatangkan sebagai satu masalah sosial dan ekonomi pada

pada keseluruhannya, kerana fenomena penghijrahan dari desa ke bandar adalah merupakan sebagai satu masalah sosial yang dihadapi oleh seluruh negara dewasa ini. Fenomena ini bukan sahaja merupakan satu masalah sosial yang dihadapi oleh bandar-bandar besar, bahkan juga boleh dan akan menjejaskan kedudukan ekonomi desa pada amnya, kerana tenaga kerja yang sangat-sangat diperlukan di bidang pertanian akan hanya tertumpu di bandar-bandar sahaja. Penghijrahan sedemikian juga akan menjejaskan nilai-nilai sosial, dimana perhubungan kekeluargaan terutamanya akan mendatangkan kesan yang negatif keatas penghijrah-penghijrah dengan saudara-mara mereka di kampung. Di samping itu juga mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan cara dan nilai hidup yang baru di bandar. Mengenai perkara ini, W.J. Goode (1973 : 350) telah mengatakan bahawa:-

"More precisely, industrialization undermines traditional family systems by rewarding mobility; by creating class-differentiated mobility within kin groupings; by organizing extra-kinship institutions for meeting needs and problems previously handled by kinship institutions; by creating a value structure recognizing achievement; and by promoting specialization and differentiation, thereby diminishing the opportunities for kin to aid one another in occupational arrangements."

Setakat ini kestabilian (faktor penghijrahan) yang ujud adalah menggalakkan, tetapi adakah keadaan ini dapat dikekalkan ataupun diperbaiki lagi di masa yang akan datang, terpulanglah kepada kerajaan dan rakyat untuk menentukannya. Sekarang ini sudah kelihatan bibit-bibit perubahan yang sedang bergerak di kampung tersebut, iaitu sudah terdapat apa yang disifatkan sebagai penghijrahan harian (daily migration) di mana beberapa orang penduduk yang berulang-alik bekerja di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kelang dan juga di lombong-lombong bijih timah di Dengkil.

Dua faktur utama yang menggalakkan berlakunya penghijrahan ke bandar-bandar ialah ketidakmampuan sektor pertanian untuk bergerak secara efektif dan produktif, yakni tidak mampu untuk memberikan pekerjaan yang besar. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan perusuhan penghijrahan ke bandar, apa yang harus dilakukan ialah:-

"... the traditional rural sector will have to be transformed with a much greater degree of development." (Ishak Shari, 1977 : 124)

Langkah ini bukan saja meningkatkan kadar teknologi di sektor pertanian, nambari bantuan baja dan benih yang bermutu, menggalakkan perindustrian di kawasan luarbandar, dan juga memajukan infrastruktur, tetapi yang paling penting ialah menjalankan reformasi tanah secara besar-besaran. Untuk ini apa yang perlu dilakukan ialah bukan sahaja membuka tanah-tanah baru bahkan juga pasbahagian semula hak-silik tanah yang kini banyak terkumpul di kalangan privileged few.

Kobanyaknya daripada penulisan-penulisan demografi sosial sehingga ini telah menyarankan bahawa manusia harus bertindak untuk mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk yang sedang berkebang dengan begitu pesatnya. Kerka menegaskan lagi bahawa jika langkah-langkah yang berkesan tidak dilaksanakan maka akan timbul masanya di mana survival keseluruhan umat manusia akan terancam. Apabila keadaan demikian tiubul nanti, bererti bahawa jumlah pengeluaran seakan yang hanya akan bertambah secara arithmetical tidak akan dapat menampung jumlah bilangan manusia yang akan bertambah secara geometric. Pandangan seperti ini sebenarnya telah nulis-nulis dikemukakan oleh Malthus yang mengatakan bahawa jika keadaan semulajadi.

manusia dibiarkan berkembang secara bersendirian, kadar pertumbuhan penduduk dunia sudah tentu akan melebihi kadar pengeluaran makanan hingga menyebabkan keadaan kucar-kacir akan timbul.

Pandangan seperti ini telah ditentang oleh pendukung-pendukung fahaman sosialisma, yang mana pula berdasarkan kepada hujjah-hujjah Marx. Mengikut fahaman ini, "Overpopulation is only a fruit of capitalism; an adequate social regime, can meet an increase of population. It is the economy which should be adapted to the population, and not vice versa." (Thompson & Lewis, 1965 : 50).

Tanpa mengira apakah fahaman yang harus diikuti, kita sebagai umat manusia yang ingin terus hidup (dalam keadaan yang sempurna), harus membuat pendirian yang teguh untuk memilih satu landasan yang seharusnya bebas dari ikatan-ikatan ideologi, keuntungan atau kepentingan individu yang boleh menyekat kita dari mencapai tujuan hidup yang diingini.

Walau bagaimanapun masalah population growth/population explosion/population pressure adalah merupakan satu masalah yang rumit untuk diatasi, kerana tidak mungkin manusia seluruhnya dapat bersatu dalam menghadapi fenomena ini. Terdepat percanggahan yang ketara diantara berbagai golongan manusia di dalam menentukan polisi atau cara yang sebaik-baiknya yang harus harus digunakan untuk menyelesaikan perkara yang dihadapi. Misalnya negara Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya telah dituduh sebagai hanya mementingkan kepentingan mereka. Tuduhan-tuduhan tadi menjelaskan bahawa negara-negara kapitalisme telah menggalakkan program-program perancangan keluarga semata-mata kerana bimbang kedudukan ekonomi mereka akan tergugat

sekiranya masalah pertumbuhan penduduk tidak dikawal lagi. Disebaliknya pula tuduhan-tuduhan juga dilemparkan keatas negara-negara sosialis/komunis yang sengaja menentang pelaksanaan polisi perancangan keluarga dengan tujuan untuk mempengaruhi negara-negara lain dengan ideologi sosialis mereka.

Dalam keadaan sedemikian, Malaysia sebagai salah satu daripada negara-negara yang sedang membangun menghadapi dilema untuk menentukan arah yang harus diambil. Dalam hal ini berbagai-bagai masalah harus dihadapi seperti sosial, ekonomi dan politik. Misalnya komposisi penduduk yang berbilang kaum dan ugama sudah tentu akan mendatangkan kesulitan-kesulitan yang rumit: perancangan keluarga menimbulkan pertentangan (walaupun tidak ketara) dikalangan setengah umat Islam, dan juga parti-parti politik yang masih conscious dengan bilangan undi.

Satu lagi dilema yang dihadapi ialah sekiranya pihak berkuasa tidak melaksanakan atau menggalakkan rencana perancangan keluarga, ini bermakna kadar pertumbuhan penduduk akan meningkat dengan pesatnya. Ini akan seterusnya menyebabkan penambahan bilangan penduduk, akibatnya perlulah dibuka dan menguzahaken keluasan tanah dengan sepenuhnya untuk menampung bilangan penduduk yang sentiasa bertambah. Tetapi langkah ini akan menyebabkan pula kerosotan terhadap alam sekitar dalam usaha-usaha untuk menghasilkan jumlah pengeluaran makanan yang lebih yang sebaliknya pula dalam jangka masa panjang akan:-

"Their appearance would not only be an ecological setback but would also, in the long term, lead to heavy economic and cultural losses."
(Nature and Resources, Vol. XII, No. 2, April - June, 1976 : 2).

Pandangan pessimis ini yang menegaskan bahawa kadar pertumbuhan penduduk yang pesat akan mengancam survival kehidupan manusia tidak seharusnya dijadikan landasan di dalam usaha-usaha negara untuk menuju ke arah pembangunan. Jika negara Cina dengan jumlah penduduk yang begitu padat dan di mana hanya satu pertiga sahaja daripada keluasan tanah sesuai untuk didiami dapat survive; dan negara Israel yang mempunyai penduduk yang ramai dibandingkan dengan keluasan tanah yang terhad merasakan taraf hidup yang tinggi, maka tidak ada sebab mengapa negara ini merasa 'khuatir' terhadap kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi. Dengan adanya abundant resources di negara ini, maka apa yang perlu dilakukan ialah to utilise secara adil dan saksama akan resources yang ujud tadi.

Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya

Adalah diharapkan bahawa kajian-kajian demografi sosial, khususnya keatas masyarakat desa akan dapat dipergiatkan di masa-masa akan datang agar dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci dan teliti memandangkan betapa pesatnya pembangunan negara sedang dilaksanakan. Kajian yang selanjutnya seharusnya melihat pola-pola fertiliti; mortaliti, penghijrahan dan kemudian dihubungkan pula dengan faktor-faktor sosial, ekonomi, politik, alam sekitar dan sebagainya.

Tinjauan khas harus juga ditumpukan terhadap perhubungan diantara rencana-rencana pembangunan negara dengan keseluruhan penduduk, dan melihat kesannya keatas latarbelakang alam sekitar. Penumpuan khas keatas faktor alam sekitar adalah penting kerana,

"Human culture is an extremely important influence in ecosystems of which humans form a part, and it therefore make no sense whatsoever to try to understand the ecology of human settlement without taking the cultural and social components of the systems into account."
(Nature and Resources, Vol.XII, No. 3,
July - Sept. 1976 : 6).

oooooooooooo

BIBLIOGRAFI

Pustaka Rujukan

- BARCLAY G.W. 1958 - Techniques of Population Analysis
New York: John Wiley and sons Inc.
- DAVIS W.H. (eds.) 1971 - Readings in Human Population Ecology
Englewood Cliffs, N.J. : Prentice-Hall
- DRIVER E.D. 1972 - World Population Policy: an Annotated Bibliography (by) E.d. Driver, Shanta Driver and Cyrus Driver. Lexington, Mass., Lexington Books.
- FIX A.G. 1971 - Semai Seneai Poulation Structure and Genetic Microdifferentiation.
(Doctoral Dissertation, University of Michigan, 1971).
- FORD and DEJONG (eds.) 1970 - Social Demography.
Prentice - Hall, Inc.
Englewood Cliffs, N.J.
- GOODE W.J. 1952 - Methods in Sosial Research
(by) W.J. Goode (and) P.K. Hatt.
International Student ed. N.Y.,
McGraw - Hill; Tokyo, Kogkusho
(1952).
- JANSEN C.J. 1970 - Readings in the Sociology of Migration
The Commonwealth and International Library.
Publisher : Robert Maxwell.

Lain-Lain Rujukan

A. Artikel dan Jurnal

- HANZAH SENDUT - "Some Aspects of Urban Change in Malaya, 1931-1957" dalam Economic Association of Malaysia, Kuala Lumpur, 1965, hal. 87-103. Dicetaksemula dari Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 2, No. I, June 1965.
- ISHAK SWARI - "Squatters: The Urban Poor in Kuala Lumpur" dalam Poverty In Malaysia. Edited by B.A.R. Mokhzani and Khoo Siew Mun, Kuala Lumpur, Persatuan Ekonomi Malaysia, 1977, hal. 109-125.
- STEPHEN BOYDEN - Dalam Jurnal Nature and Resources, Vol. XII, No. 3, July-Sept. 1976, hal. 6-12.
- TAN KENG SOOI - "Demography and the Social Structure of the Malays of Kuala Kedah" dalam Development Forum, Vol. VI, No. I, June 1976, hal. 17-29.
- "The Population Debate: Dimension and Perspective". Papers of the World Population Conference, Bucharest, 1974, hal. 105-120, dalam Jurnal Demography, Vol. I4, No. I, February 1977.
- Journal of Socio-Economic Planning Sciences, Vol. II, No. I, 1977, hal. I-II.

B. Latihan Ilmiah dan Artikel yang Tidak Dicetak

ALBERT GOMES - A Social Demography of Jahai Negritos At Rural Post, Kelantan , 1976,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya.

OMARDIN ASHARI - Masyarakat Jawa , 1967, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

TUNKU SMAMSUL BAHRIN - The Growth and Distribution of the Indonesian Population in Malaya, 1967.